# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 24 | RABU 11HB JUN, 1980. | رابو 27 رجب 1400 | PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pg Haji Ali bersabda merasmikan Pertandingan tersebut.

# JADIKAN AL-KOR'AN SA-BAGAI PANDUAN HIDUP DI-DUNIA

**PEKAN MUARA. — Umat Islam di-negeri ini di-seru supaya sentiasa menjadikan kitab suchi Al-Kor'an sa-bagai panduan dalam menempoh kehidupan yang penoh dengan chabaran dan dugaan di-dunia ini.**

Seruan ini di-buat oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Masjid Setia Ali di-sini pada malam Jumaat lalu.

Yang Amat Mulia menambah sabda, apa-lah erti-nya kalau kita tahu membacha dan mengetahui isi ajaran Al-Kor'an sedangkan keolahan dan sikap peribadi serta perbuatan tindak tanduk kita bertentangan dengan ajaran2 kitab suchi tersebut.

Sebenar-nya kita umat Islam, tidak akan tersalah langkah dalam menjalankan kehidupan sa-hari2 baik sa-bagai ketua2, pemimpin2 atau apa juga lapangan sekali pun jika kita berpegang tegoh kapada petunjok2 dan ajaran2 yang terdapat di-dalam kitab suchi Al-Kor'an.

Dalam memajukan pelajaran ugama di-negeri ini, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sentiasa memberikan kemudahan2 untok mempelajari Al-Kor'an kapada raayat dan pendudok2 negeri ini.

Pelajaran Al-Kor'an bukan sahaja di-ajarkan melalui sekolah2 ugama bahkan telah di-adakan pula beberapa kelas2 dewasa baik di-kampong2 mahu pun di-sa-tengah2 jabatan2 kerajaan.

"Dan alhamdulliah nampak-nya kelas dewasa itu telah mendapat sambutan yang sangat menggalakan walau pun sa-tengah-nya ada yang saperti kata pepatah Melayu "Hidup segan mati tak mahu", sabda Yang Amat Mulia.

Di-samping itu, kerajaan juga telah berusaha melateh guru2 ugama pada memenohi tenaga2 pengajar yang benar2 berkeboleh-an bagi mengajar Al-Kor'an dengan mengadakan kursus2 Al-Kor'an dan sa-umpama-nya.

Mereka ini, kata Yang Amat Mulia itu lagi, adalah bakal menjadi tenaga pengajar Al-Kor'an sama ada kapada murid2 sekolah atau pun orang2 awam dengan penoh berkesan menurut kaedah2 yang betul dan sistematik.

Maka kita sa-bagai raayat di-Negeri Brunei Darussalam ini harus-lah menunaikan tanggong-jawab kita ia-itu dengan merebut segala peluang2 dan kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan itu pada menyokong chita2 Baginda Yang Dipertuan yang ingin menjadikan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi di-negeri ini.

## Manis-nya Iman

**"BARANGSIAPA yang tidak menshukori nikmat Allah yang sedikit dia tidak-lah akan menshukori nikmat Allah yang banyak. BARANGSIAPA yang tidak berterima kaseh atas pertolongan dan budi baik orang dia tidak-lah akan bershukor kapada Allah. MEMPERKATAKAN nikmat Allah itu ada-lah tanda bershukor; dan meninggalkan-nya dengan tidak mempergunakan-nya menurut yang sa-patut-nya ada-lah tanda kufur. BERSATU PADU itu membawa rahmat; sementara berpechah belah itu pula membawa azab sengsara." — HADITH Nabi riwayat Imam Ahmad daripada Nu'man bin Bushair.**

## Anggota2 Pulis Diraja di-seru:

# PELAJARI BACHAAN AL-KOR'AN SUNGGOH2

GADONG. — Persurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid menyeru anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei serta keluarga mereka supaya akan dapat mempelajari bachaan Al-Kor'an dengan bersunggoh2 demi untok menuju ka-arah jalan yang berkebajikan dan berkat di-dunia dan di-akhirat.

Yang Amat Mulia menegaskan walaupun pada perengkat awal-nya kita tidak dapat memahami isi kandongan atau kesimpulan maana-nya, tetapi sa-takat boleh membacha ada-lah sudah memadai dan semoga kita mendapat rahmat daripada Allah s.w.t.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg Jaya membuat seruan demikian ketika bersabda sa-jurus sabelum merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an antara chawangan Pasokan Pulis Diraja yang telah di-adakan di-Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada malam Sabtu yang lepas.

"Dengan mengikuti ajaran2 Ugama Islam dengan berpandukan Kitab Suchi Al-Kor'an sa-chara sukarela sa-bagai amalan kebajikan dalam mengadakan projek2

Lihat muka 20



Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pg Omar menyampaikan hadiah kapada johan qari, PC 599 Abdul Ghani.





JOHAN qariah, Dayang Siti Ara (atas) sementara gambar kanan johan qari, Awang Haji Md Yusof menerima Oskar Kejohanan yang di-sampaikan oleh YB Dato Paduka Haji Othman bin Bidin.

## Empat orang di-pileh ka-perengkat negeri

PEKAN MUARA. — Awg Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar dan Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris telah munchol sa-bagai johan qari dan qariah dalam Pertandingan Membacha Al-Kor'an perengkat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Masjid Setia Ali di-sini pada malam Jumaat yang lalu.

Awang Haji Mohd Yusof telah memperolehi 91 peratus sementara Dayang Hajjah Siti Ara pula mendapat markah 90.5 Peratus.

Tempat kedua dalam bahagian lelaki telah di-sandang oleh Awg Johari bin Penyurat Haji Omar dengan markah 83.5 peratus dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Metussin bin Haji Mohammad dengan markah 80 peratus.

Dalam bahagian perempuan pula, naib-johan disandang oleh Dayang Azizah binte Haji Salleh dengan 76 peratus dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Hajjah Siti Saliha binte Hj Idris dengan markah 70 peratus.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-sertai oleh sa-ramai 10 orang peserta qari dan qariah yang mewakili lima buah kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Johan dan naib-johan qari dan qariah itu akan mewakili Daerah Brunei-Muara ka-Pertandingan Perengkat Negeri.

## J-kuasa Perayaan Daerah Belait

KUALA BELAIT.— Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi Daerah Belait telah di-bentok dalam satu mashuarat yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Khamis lalu.

Dalam mashuarat itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss telah di-lantek sa-bagai Pengerusi sementara Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Mohd Kassim bin Haji Johan sa-bagai Timbalan Pengerusi.

Setia Usaha ia-lah Awang Abdul Ghani bin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

Mashuarat itu juga telah meranchang lebeh dari 20 achara yang akan di-adakan sa-masa perayaan nanti.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

11HB JUN, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## SKIM BIMBINGAN KERJAYA

PADA masa ini kira2 200 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam sedang melibatkan diri di-beberapa buah jabatan Kerajaan dan penglibatan mereka itu ada-lah di-bawah skim Bahagian Bimbingan Bakat Kerjaya Jabatan Pelajaran.

Di-bawah skim ini, mereka itu di-hasratkan akan dapat memperolehi pengalaman2 yang sesuai dengan selera dan bakat mereka dalam menchari kesesuaian lapangan2 perkhidmatan yang mereka masoki itu. Mereka yang terpileh memasoki skim itu ada-lah sa-telah melalui proses temu-duga yang menghasilkan bahawa penuntut2 yang di-pileh itu, sa-telah di-saring dengan teliti, di-kira dapat memberikan bantuan2 kapada jabatan2 yang berkaitan di-mana mereka itu di-tempatkan. Penuntut ini masing2 mempunyai kebolehan dan mutu kemahuan dalam lapangan2 yang mereka minat dalam mana kebolehan dan kemahuan mereka itu di-kira perlu di-sumbangkan kapada pehak2 yang memerlukan-nya. Ini bererti bahawa tenaga mereka itu di-pergunakan melalui satu hajat yang baik bukan saja untok mengasoh bakat mereka itu, tetapi juga ia-nya di-kira berfaedah kalau dapat di-pergunakan menerusi saloran2 yang betul.

Di-sini, Jabatan Pelajaran telah memulakan satu langkah yang wajar dengan tidak membiarkan penuntut2 yang berbakat itu membuang masa dan tenaga mereka sa-mata2 di-sebabkan oleh menunggu keputusan pepereksaan yang begitu panjang masa-nya — keputusan pepereksaan S.A.P. Perengkat Lanjutan. Biasa-nya, penuntut2 yang menunggu keputusan pepereksaan sa-umpama ini, tidak boleh tidak akan terpaksa hidup menganggor dalam serba-serbi kalau mereka tidak bijak menggunakan-nya. Mereka yang tidak pandai menggunakan masa yang kosong itu kebanyakan-nya akan menjadi mangsa masa ia-itu dengan tidak ada apa pun yang di-buat dalam jangka masa tersebut. Pengalaman telah memberikan gambaran yang chukop jelas bahawa ada sa-tengah2 penuntut yang benar2 mahu mengisikan kekosongan itu dengan chara mendapatkan pekerjaan sementara sama ada dalam perkeranian mahupun dalam perburohan. Tetapi tidak semua yang menchari itu mendapat rezeki yang di-mahukan dan dengan sebab itu ada yang langsong kosong masa-nya dan terbiar begitu saja.

Sa-benar-nya, pilehan itu banyak chara-nya dan kekosongan itu pun mempunyai chara untok mengisikan-nya. Penuntut yang tidak mengenal kalah oleh keadaan akan terus berusaha meneroka dan mengisikan masa itu ka-arah yang berfaedah dan menyamankan hati orang tua mereka saperti membuat kerja2 rumah, membantu orang tua mengusai rumah dan banyak lagi kerja2 kekeluargaan. Chuma beza-nya ia-lah mereka itu tidak dapat oleh2 dalam erti mata-wang, tetapi yang sa-benar-nya mereka juga memperolehi didekan yang tidak kurang penting-nya dalam ertikata bertanggong-jawab terhadap keluarga itu walau pun bukan dengan sogokan wang. Tetapi memang-lah di-akui bahawa ada-lah lebeh baik lagi jikalau mereka itu dapat menjawat usin dalam erti-kata bergaji atau beralaon.

Bagaimana pun, apabila sudah tidak di-perolehi rezeki yang demikian itu, maka tidak bermakna yang mereka harus menyerah-kalah kapada keadaan yang demikian itu. Maka itu perlu-lah di-olah menurut chara yang baik dan menyamankan hati orang tua dari terus membuang masa sa-mata2 menunggu keputusan pepereksaan.

Akan hal mereka yang memasoki skim bimbingan kerjaya ini pula, maka satu perkara yang harus mereka fahami ia-lah tentang peluang2 masa depan mereka untok berkhidmat. Perkara yang perlu di-sedari oleh mereka itu ia-lah dari segi keyakinan atau anggapan yang mereka itu akan mendapat keutamaan jika mereka berhajat memasoki perkhidmatan2 dalam Kerajaan. Jika anggapan yang demikian ini merupakan satu pegangan kapada mereka, maka hal itu tidak-lah pula dapat di-anggap sa-bagai satu jaminan. Kerana, kedudokan mereka ada-lah sama dengan penuntut2 yang lain dalam mana peluang2 bekerja itu ada-lah tidak dapat di-tentukan. Tujuan utama skim itu ia-lah mengadakan bimbingan2 kerjaya mereka dan bukan sa-bagai tiket untok memudahkan mereka mendapat kerja dengan membelakangkan chalun2 yang lain.

# PADA HEMAT SAYA....

Lagi:

## SUATU CHERITA

SAMBIL mata-nya berkisar sa-kitar lurong yang di-lalui-nya, anak muda itu kelihatan chukop berhati2. Kedua belah tangan-nya kemas di-simpan dalam jubah-nya yang laboh. Meski pun sa-benar-nya dia sudah biasa dengan tempat itu tapi kali ini ada sa-suatu yang memerlukan-nya berhati2 supaya tidak di-lihat orang.

Lurong itu bukan tidak selamat. Dia tahu di-situ tidak pernah ada kejadian rompak atau bunoh. Dan suasana negeri pun pada keselurohan-nya ada-lah aman, tidak ada sebarang anchaman ka-atas keselamatan orang perseorangan.

Tapi dia khuatir akan terserampak dengan orang. Dia bimbang ada orang akan menyapa-nya. Dan lebeh2 membimbangkan-nya lagi ia-lah kalau2 ada orang akan menahan dan memereksa-nya di-tengah2 lurong itu.

Kebimbangan-nya itu membuat langkah-nya tidak terator. Sa-bentar dia berlari2 anak, dan sa-kejapan lagi dia saperti menjengket-jengkat pula. Sementara kedua belah tangan-nya terus kemas di-bawah jubah-nya sedang memegang sa-suatu benda. Dan benda itu-lah yang membuat-nya chemas bimbang kalau2 kedapatan oleh orang.

Dia tahu kalau kedapatan dia membawa benda itu tentu dia akan mendapat malu. Pun akan menyebabkan-nya di-soal siasat tentang penggunaan-nya, sebab benda itu ada-lah benda yang tertegah dan haram.

Tapi benda itu bukan-lah senjata api atau lain2 senjata berbahaya.

### PERTANYAAN

"Wahai anak muda!" tiba2 satu suara dari arah hadapan menyapa-nya. Kerana ashek dengan kebimbangan-nya itu dia tidak menyedari rupa-nya ada orang sedang memerhatikan-nya lantas menyapa-nya. Dan orang itu sedia di-ketahui-nya.

"Apa benda-nya yang kau sembunyikan di-bawah jubah mu itu?" orang itu terus saja menyoal-nya. Pertanyaan sa-macham itu-lah yang menakutkan-nya. Dan lebeh menakutkan-nya lagi ia-lah orang yang bertanya itu, dia bukan sembarangan orang, tapi ia-lah Amirul Mu'minin Umar.

Terasa lutut-nya gementar. Kalau pun dia chuba melarikan diri tentu saja tenaga-nya tidak chukop.

Betul2 dia serba salah. Dia malu dan takut untok memberitahu apa sa-benar-nya. Sebab dia sedar akibat-nya.

Benda itu ia-lah arak !

### SERBA SALAH

Dalam serba salah champur gementar, takut dan malu itu dia sempat membisekkan sa-suatu yang chuma dia sendiri dapat mendengar-nya.

"Ilahi! Kira-nya Engkau tidak membuatku terhina di-sisi Umar ini, dan Engkau tutopi kesalahanku supaya aku tidak mendapat malu maka aku berjanji tidak lagi akan meminum arak buat sa-lama2-nya. . ." mulut-nya kumat-kamit membisekkan perkataan itu.

Selesai saja dia membisekkan kata2 itu dia pun memberanikan diri menjawab : "Wahai Amirul Mu'minin ! Benda yang saya bawa chuma-lah chuka . . . . ."

"Chuma chuka ? Mari ku lihat!" Pinta Sayidina Umar untok mempastikan.

Permintaan itu sangat berat di-rasa-nya. Tapi dia sedar dia tidak lagi dapat berdaleh dan mengelak. Dan yang penting dia sudah habis fikir. Maka dia pun mengeluarkan tangan-nya sambil menunjokkan arak yang di-sembunyikan-nya itu. "Terserah-lah!" fikir-nya sambil mengingat apa yang di-bisekan-nya tadi.

Tapi, alangkah memeranjatkan-nya, arak itu tiba2 telah bertukar menjadi chuka yang sangat berseh!

Dia sedar sa-suatu yang luar biasa telah terjadi. Dia pun memejamkan mata-nya sambil mendongak ka-langit sedang hati-nya penoh azam akan memenohi janji-nya dalam bisekan-nya tadi.

Dia bertaubat !

### SEMPENA

Demikian-lah satu lagi cherita lama untok tatapan pembacha ruangan ini.

Apa sempena-nya ?

Siapa2 mungkin menanya begitu. Maalum saja-lah konon-nya apabila satu2 cherita lama di-ristakan di-zaman sekarang tentu ada sempena-nya. Lebeh2 lagi, konon-nya, kalau satu2 cherita itu di-ristakan di-ruangan ini !

Biasa-nya, saya tidak akan berkata 'ya' atau 'tidak' mengenai konon2 itu. Yang saya tahu, satu2 cherita — lama atau baru — ada dengan moral-nya.

Chuma orang di-zaman kita ini ada yang tidak lagi gemarkan cherita2 menunjok-ajar. Konon-nya, sa-suatu tunjok-ajar, apa lagi kalau yang berbau 'masjid' elok-lah tempat-nya di-atas mimbar saja ! Konon-nya begitu.

Tapi, bersempena atau tidak, cherita-nya telah pun terbacha. (Maafkan, saya sengaja tidak membuat sebarang intro-nya!)

### MUNASABAH

Kalau tidak ada sempena tertentu pun boleh jadi ada juga munasabah-nya dengan cherita2 yang pernah di-dengar mengenai ehwal sa-gelintir orang kita di-zaman ini.

Mithal-nya : pernah di-dengar bagaimana arak di-hidangkan dalam teko saperti menghidangkan tea atau kopi dengan tujuan mengelak dari **mata undang2 !**

Mithal-nya lagi : pernah di-dengar bagaimana arak di-beli dan di-bawa ka-tempat2 yang 'selamat' dari **mata orang!**

Dan berbagai2 lagi mithal perihal dan ehwal sa-gelintir orang2 kita dengan arak di-zaman ini.

Nyata-nya : orang sekarang saperti juga orang dahulu (dalam cherita tadi). Dalam masing2 tahu yang arak itu 'tertegah' masing2 pula ada dengan ikhitar mengelak tegahan itu.

Chuma barangkali beza-nya ia-lah : orang dahulu (dalam cherita tadi) bersembunyi2 membawa-nya dengan keadaan bimbang dan takut yang bukan k palang dan sedar akan a bat-nya. Tapi orang s karang ada yang tidak sa pai begitu bimbang tak nya.

### TAKUT

Orang dahulu itu tak nya (saperti mithal dala cherita tadi) sampai ka **hati dan ka-hempedu,** la mudah saja membuat da mengadakan perubahan. Dan yang penting, orang dahulu itu **ada yang menggerunkan-nya.** Tapi orang sekarang tidak-lah sampai begitu sebab tidak ada yang sampai begitu sekali menggerunkan-nya **sa-lain un dang2 biasa** dan **orang biasa.**

Yang dapat di-faha arak di-zaman 'orang mu dalam cherita tadi tidak-la lumrah di-dapati di-mana sebab itu dia bersembun membawa-nya. Tentu beli-nya dari kedai ar yang di-benarkan pada z man itu untok keguna orang2 bukan Islam. Da kalau keadaan itu mahu di samakan dengan zaman k ta di-sini pun begitu-la lebeh kurang. Maka seb itu juga-lah barangkali ad yang terpaksa mengikhtiar kan berbagai2 chara supaya tidak kelihatan lumrah. An tara-nya, (dan aneh-nya) ia-lah arak itu di-pinta h dangkan dalam teko, leng kap dengan set chawan da dulang-nya, saperti hidang an tea atau kopi.

Tapi, sa-jauh ini kita be lum pernah mendengar ke jadian di-zaman ini arak da lam teko itu bertukar me jadi chuka apabila ad orang menyergah-nya, ja sekali bertukar menjadi t atau kopi !

Mungkin-kah kerana sa-tak ini belum ada orang yang t kut-gerun-nya saperti tak gerun anak muda dalam cher tadi, tambahan pula kalau m mang sa-benar-nya tidak ad **apa2** atau **siapa2** yang mem buat orang akan takut-ger begitu — kalau pun bukan u tok sampai menukarkan ara menjadi chuka memadai-lah k san-nya menginsafkan dan k mudian di-ikuti dengan taub

—*Ketua Pegawai Penerangan*

***"kalau tidak ada sempena tertentu pun boleh jadi ada juga munasabah-nya dengan cherita2 yang pernah di-dengar mengenai ehwal sa-gelintir orang kita di-zaman ini."***

# GOV'T ALWAYS PROVIDES FACILITIES TO VILLAGERS

TANAH JAMBU. — The Brunei-Muara District Office will construct a half-a-mile road beginning from the present temporary building of the Religious School to Jalan Kechil Tanah Jambu area this year.

With the construction of the road, it is hoped that the villagers will help the government implement various projects.

The Brunei-Muara District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar was speaking when he addressed the gathering at the "Makan Tahun" (Annual Feast) ceremony held at the village chief's house here.

Besides, the government has also been planning to render the pre-natal service to the residents as a measure to overcome the problems faced by pregnant women during the delivery, especially at night.

He said, the government through the Medical and Health Department, has done its best to train the locals to be qualified midwives who will then serve at the villages.

Regarding the telephone service which has been applied by the village chief, he said that the government always provides telephone service not only to the kampongs but also to other remote areas in the Brunei-Muara District.

He also pointed out, at the moment, the villagers have been enjoying all sorts of facilities, provided by the government, such as water and electricity supplies and the agricultural project.

He then urged the villagers to co-operate with the government in maintaining peace and prosperity which are the concern of the government.

Lastly, he reminded the villagers to help solve any problems by forwarding them to the village chief before bringing them to the authorities.



The Director of Welfare, Youth and Sports, the Honourable Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein is seen handing over the State flag to the leader of the team, Awang Haji Jaafar shortly before their departure.

## Belait birthday celebration committee

KUALA BELAIT. — In order to celebrate the 34th birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, an executive committee was formed on Thursday in the Belait District.

The committee was set up at a meeting chaired by the Acting Belait District Officer, Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Pg Haji Mohamad at the Civic Centre here.

He was elected the Chairman of the body. The Deputy Chairman is the Assistant District Officer, Awang Mohamad Kassim bin Haji Johan.

Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, an Administrative Officer at the District Office, was appointed the Secretary-General.

Several sub-committees for the same purpose were also established.

Nearly 70 people attended the meeting which drew up over 20 colourful programmes to celebrate the grand occasion.

## Brunei emerges as tennis champion

JALAN TAPAK KUDA. — Brunei emerged as the champion of the Inter-Territorial Tennis Championship last Friday, with Sarawak second and Sabah, third.

But Sarawak won the Junior Championship, and the runner-up was Brunei.

And the Open Singles Championships, first was won by Awg Alan Quek (Sabah).

The tournament, open for Brunei, Sarawak and Sabah, commenced on Wednesday afternoon at the Brunei Tennis Club here and was officially opened by the General Advisor to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa.

The challenge trophy, won by Brunei, was donated by the Sarawak Chief Minister, Dato Petinggi Hj Abdul Rahman Yaakub.

## Anniversary badminton tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — Eight players of the Brunei National Badminton Association returned home early this week after participating in a badminton tournament held in Kuala Lumpur on Saturday.

Seven officials of the association and the team manager, Awg Hj Mohd Jaafar bin Hj Mohd Daud, who is also the President of the Brunei National Badminton Association accompanied them.

The tourney which was held at the Stadium Negara was organised by the Malay Badminton Association of Selangor in conjunction with the Silver Jubilee Anniversary of the association.

13 states of Malaysia, Singapore and Brunei participated in the three-day competitions.

Shortly before their departure, the Director of Welfare, Youth and Sports, the Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein handed over the state flag to the leader.

It is reported that these players will undergo training in order to prepare for the SEA Games to be held in Manila in December next year. In which, Brunei is expected to participate.

## New Commanding Officer

BERAKAS CAMP. — Lieutenant Colonel Pehin Dato Haji Mahdini bin Dato Haji Basir last Thursday became the new Commanding Officer of the Royal Brunei Malay Regiment's First Battalion.

At a ceremony held here, he took over the rank from Lieutenant Colonel Pehin Dato Mohammed, who the Assistant Adjutant and Quarter Master General, and also the regiment's Deputy Commander.

At the end of the ceremony, a farewell parade was held specially for Lt Col Pehin Dato Mohammed who was earlier presented with a souvenir from the First Battalion.

## Soldiers off for training

BERAKAS. — Four members of the Royal Brunei Malay Regiment left for Singapore on Sunday to attend a course on Vehicle Mechanic Class One, conducted at the SAF Ordinance School Ayer Rajah Camp in Singapore.

Meanwhile, another four soldiers are expected to join their colleagues next week and later this month.

The first three, Privates Roslan bin Abd Kadir, Abu Bakar bin Tassim and Majid bin Berahim from the regimental airwing unit will leave on 16th June.

They will attend a two-year course on Aircraft Mechanic (Airframes and Engines) at the Aircraft Engineering Training Institute Changi Camp in Singapore.

Cpl Rajak bin Ahmad from the RHQ Company will be leaving on 30th June and is due to attend a six-month course on Dental Technician.

He will attend the course at the Institute of Dental Health Hyderabad Road Alexandre Park Singapore.

## M'sian teachers return home

BANDAR SERI BEGAWAN — A party of members of the Teachers' Association of Penisular Malaysia who are presently working in Sarawak returned home last Wednesday after a brief visit to Brunei.

On Tuesday morning, they paid a visit to the Language and Literature Bureau here.

Led by the Secretary of the Association, Awang Hamdan bin Mohd Zain, they were met on arrival by the Deputy Director of the Bureau, Awg Hj Ahmad bin Kadi and other officials.

They were brought to see all sections of the department.

In the afternoon, they visited the Brunei Museum in Jalan Kota Batu.

They were deeply impressed by the exhibits of the museum.

On Monday, they also visited Television Brunei.

During their visit here, they also donated $100 to the Brunei-Muara District's Orphans Fund.

The picture (left), shows a member of the teachers, Awg Zakaria bin Mohammed (left), on behalf of the visitors, presenting the cash to the Treasurer of the Fund, Pengiran Hj Momin bin Pengiran Damit.



## Meeting on Radio Programmes

BANDAR SERI BEGAWAN. — A meeting between officials from the Radio Television Brunei and the Education Department was held at the Education Department's conference room here last Thursday.

The meeting which was chaired by the Assistant Superintendent of Secondary Education, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman, was aimed at discussing a new series of English literature programme to be broadcast by Radio Brunei starting on Friday.

The programme is to help students sit for English Literature examinations later this year.

Mr Steward Wavell an RTB senior officer who attended the meeting stressed on the need to improve the standard of English among Brunei students.

He said a light-hearted panel game called "The battle of words" will be introduced on Radio Brunei's English programme in September.

## Brunei footballers beat Sabahans

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's under 18 football team returned home on Thursday from Kota Kinabalu.

During their four-day visit to Sabah, they downed the Sabah Football Association's under 20 team 4 — 1 in a friendly match which was played at the Likas Stadium. Zainuddin scored two goals.

While Azaman Mohd Daud and Halim Saidi Hj Majid scored one each.

Earlier, the Brunei team had also toppled the Kota Kinabalu schools combined team 6 — 2.

The matches were part of training to prepare for the Asian Schools' International Football Tournament to be held in mid-June in Bangkok.

# TULISAN ISLAM

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

## Siri Ke-36

**Ada-lah di-sarankan supaya di-adakan peruntokan dalam sukatan pelajaran di-sekolah2 Ugama dan bukan sekolah2 Ugama supaya memberatkan perkara tulisan Islam (tulisan Jawi).**

KALAU saya katakan menulis dan mengamalkan tulisan Islam (yang orang2 kita mengenali-nya sa-bagai tulisan Jawi dari huruf2 Arab itu) merupakan suatu ibadat dan berpahala, tiada-lah kira-nya menjadi suatu kesalahan — dengan alasan bahawa Al-Kor'an, Hadith2 Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), dan kitab2 ugama tiada-lah dapat di-pelihara melainkan dengan di-hafaz dan di-tulis.

### PEMELIHARAAN AL-KOR'AN DAN HADITH

Kita sedar bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) itu merupakan ikutan agong bagi kita umat Islam. Baginda menyuroh sahabat2 menghafaz Al-Kor'an dan memerentahkan beberapa orang sahabat menjadi penulis wahyu (Al-Kor'an). Mereka menulis Al-Kor'an di-atas batu, kulit, tulang2 binatang, pelepah korma dan lain2. Betapa sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) menghafaz dan menulis Al-Kor'an, ada di-sebutkan dalam **Sahih Al-Bukhari,** (dalam **Sunan At-Termizi dan Abu Daud** (dengan riwayat yang betul dan sahih).

Sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) di-samping menulis Al-Kor'an juga menulis hadith2 yang mereka dengar daripada Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) kemudian pada zaman **Khalifah Umar bin Abdul Aziz,** hadith2 tersebut mula di-kitab (di-bukukan). Pada masa itu sahabat2 maseh hidup lagi. Semua penulisan ini ada-lah dengan huruf Islam.

**Ash-Sheikh Al-Imam As-Subki** (Rahimahullahu Ta'ala) yang meninggal pada tahun 756 Hijrah mengatakan: *"Bahawa sayugia di-jadikan menulis ilmu Islam dan dengan huruf (tulisan) Islam itu sa-bagai suatu ibadat, sama ada dengan harapan akan mendatangkan faedah atau tiada. Dan saya dalam apa jua yang saya tulis dan karang ada-lah dengan chara dan dengan niat yang di-sebutkan, Insha Allah Ta'ala."*

### PAHALA PERCHUMA

Jadi-nya sa-kira-nya orang2 Islam hendak menchari pahala dengan perchuma (free) maka salah satu jalan-nya ia-lah dengan menulis nota2 dalam huruf2 Islam, juga membawa akhbar2 yang bertulis dengan huruf2 Islam kadalam rumah dan kapada anak2 serta keluarga-nya, supaya mereka jinak dengan Islam dan dengan apa jua yang berhubong dengan-nya.

**Al-'Allamah Shaikush-Shuyukhi-Asri Muhammad Bakhit** Mufti Mesir yang terkenal itu mengatakan dalam kitab-nya (**Hujjatullahi 'Ala Khaliqatihi**): *"Telah kita ketahui sa-bagaimana yang telah kita nukilkan berdasarkan apa yang telah di-lakukan oleh sa-kumpolan orang Turki (Ataturk yang menjadi Mulhid dan kafir dengan kunchu²-nya) bahawa mereka telah mengubah lafaz² Al-Kor'an dalam bahasa Turki dan menulis Al-Kor'an dengan huruf Latin. Semua-nya itu tiada-lah di-benarkan dalam Islam dan tiada harus dengan Ijma' ulama Islam. Perbuatan-nya itu bukan sahaja bertentangan dengan ugama Islam tetapi juga membawa keluar dari ugama Islam.*

### TINDAKAN ATATURK TERHADAP ISLAM

Tiada-lah boleh sa-seorang Islam membela atau meminta uzor di-atas perbuatan mereka. Suatu perkara yang telah termashor di-ketahui umom bahawa mereka (Ataturk dan kunchu2-nya) menggunakan kekerasan ka-atas orang2 Islam di-negeri mereka iaitu dengan mengarahkan mereka bersembahyang dan membacha Al-Kor'an bukan dengan bahasa Arab, padahal mereka mampu dan sanggup membacha Al-Kor'an dengan bahasa Arab, malahan di-ketahui juga bahawa Imam2 di-mesjid2 mereka telah menghafaz Al-Kor'an Al-Karim dengan bahasa Arab sa-bagaimana ia mula di-turunkan dari langit. Bahkan di-dapati daripada orang2 Turki ada di-antara mereka menghafaz semua Al-Kor'an dan membacha dengan bertajuid dan tertil dan dengan qira'at mutawatirah.

Jadi bagaimana-kah akan dapat di-terima apabila sa-seorang Islam menegah orang2 Islam sendiri dari membacha Al-Kor'an dengan bahasa Arab, sedang mereka itu telah hafaz akan ayat2 dan surah2 Al-Kor'an dalam sembahyang atau di-luar sembahyang, dan bagaimana-kah akan dapat di-terima paksa'an supaya mereka membacha Al-Kor'an dengan bahasa Turki yang di-reka oleh Ataturk dan kunchu2-nya itu. Bagaimana-kah akan dapat di-terima serta di-ma'afkan keuzoran mereka itu sedang mereka itu-lah juga yang mengistiharkan bahagian pusaka di-antara warith2 lelaki dengan warith2 perempuan ada-lah sama, mereka-lah juga yang sanggup membenarkan perempuan Islam berkahwin dengan lelaki yang bukan Islam. Kesemuanya ada-lah berlawanan (sa-chara terang2an) dengan hukum2 Islam sa-bagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala:

يُوصِيكُمُ اللهُ فِى أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

Maksud-nya: *"Allah berpesan bahawa harta pusaka di-bahagikan di-antara anak² kamu ia-itu sa-orang anak lelaki mendapat bahagian-nya saperti dua bahagian anak perempuan.*

وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّى يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُؤْمِنٌ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ.

Maksud-nya: *Allah Ta'ala menegah orang² laki² kafir bernikah dengan perempuan Islam.*

### KUFOR YANG NYATA

Kedua2 ayat di-atas dan lain2 nas Al-Kor'an yang banyak itu terang2 bertentangan dengan i'tiqad dan perbuatan mereka (Ataturk dan kunchu2-nya). Ijma' ulama Islam dari semenjak Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) sa-hingga hari ini ada-lah menyalahkan i'tiqad dan perbuatan mereka (Ataturk dan kunchu2-nya). Semua perbuatan mereka itu ada-lah perbuatan kufur yang nyata, dan jadi-lah mereka murtad (keluar dari Islam). Pada zahir-nya mereka sa-olah2 berpegang dengan ugama dan tundok di-bawah hukum ugama Islam, sa-hingga orang2 Islam di-atas muka bumi ini kasehankan mereka, dan membantu mereka dengan harta benda di-samping mengadakan Jawatankuasa2 bagi memungut wang, serta bersusah payah menyampaikan wang itu kapada mereka. Manakala mereka (Ataturk dan kunchu2-nya) menang dalam penentangan-nya terhadap musoh2 mereka dari bangsa Greek dan lain2, mereka pun menzahirkan apa yang tersembunyi dalam hati mereka, mereka rosakkan hubongan mereka dengan orang2 Islam.

Sa-bagaimana yang kita katakan tadi bahawa Ataturk dan kunchu2-nya serta orang2 yang melakukan perbuatan saperti-nya ada-lah murtad, melainkan jika mereka itu bertaubat dengan menguchap dua kalimah shahadat serta perchaya dengan hati mereka akan dua kalimah shahadat itu, baru-lah mereka itu di-kira kembali kapada ugama Islam.

### SARANAN DAN KESIMPOLAN

Ada-lah saya sarankan supaya di-adakan peruntokan dalam sukatan pelajaran di-sekolah2 ugama dan bukan sekolah2 ugama supaya memberatkan perkara tulisan Islam yang di-panggil dalam masharakat kita 'tulisan jawi'. Dengan yang demikian, pelajar2 akan terbiasa membacha dan menulis dengan huruf2 Al-Kor'an.

Apa yang saya cheritakan di-atas mengenai Ataturk dan kunchu2-nya yang ingin mengubah huruf2 Al-Kor'an itu patut-lah menjadi chontoh kapada kita umat Islam di-negeri ini khas-nya jangan sampai orang2 saperti itu timbul di-negeri ini. Oleh itu, tulisan Islam itu patut-lah di-ajarkan sa-luas2-nya hingga menjadi amalan sa-hari2.

*WALLAHU A'ALAM*



KELIHATAN Mohn Harman bin Abdullah (kanan) ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Johari bin Omar Ali di-majlis tersebut. (Gambar JHEU).

# Memelok Ugama Islam

KUALA BELAIT. — Tiga orang lagi memelok Ugama Islam dalam majlis yang berasingan di-sini baru2 ini. Dalam majlis yang berlangsong di- rumah Awg Ahmad bin Hitam, No. 70, Jalan Nakhoda Ragam, sa-orang pemuda Dayak, Panchap anak Manggi, 28 tahun, telah memelok Ugama Islam dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Harman bin Abdullah.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Kadhi Daerah Belait Awang Haji Metussin bin Timbang, pegawai kanan Kerajaan termasok pegawai2 dari Pejabat Hal Ehwal Ugama, Belait. Penghulu Mukim Kuala Belait, Pg Hj Mohd Said bin Pg Ahmad telah menyampaikan chenderamata dari Majlis Ugama Islam Brunei kapada saudara baru itu.

Manakala dua orang yang lain telah menjalani pengIslaman-nya di-satu majlis yang berlangsong di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-sini. Mereka itu terdiri dari Lim King Chai, 20 tahun, berasal dari Kampong Sungai Mau, Ulu Belait, ia kini di-kenali sa-bagai Mohd Zailany bin Abdullah. Manakala Koh Lim, 21 tahun, berasal dari Kampong Kiudang, Tutong kini di-kenali sa-bagai Mohd. Ismadi bin Abdullah.

Ketiga-tiga saudara baru Islam itu melafadzkan ikrar masing2 di-hadapan Awg Johari bin Omar Ali sa-orang pegawai di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11hb Jun, 1980 hingga ka-hari Selasa 17hb Jun, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 12hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 13hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 14hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 15hb Jun | 12.26 | 3.46 | 6.37 | 7.49 | 4.37 | 4.52 | 6.07 |
| 16hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Kesankan didekan Ugama Islam



KITA umat Islam di-negeri Brunei Darussalam ini alhamdulillah sunggoh bertuah kerana negeri ini ada-lah negeri Islam sejak zaman-berzaman di-perintah pula oleh sultan2 yang sentiasa berpegang tegoh dan mengambil berat terhadap Ugama Islam. Manakala orang2 bukan Islam pula ada-lah di-layan dengan adil dan saksama serta di-beri kebebasan pada menganut dan mengamalkan ugama masing2. Dalam pada itu dalam beberapa ratus tahun yang lalu telah berlaku perchubaan dari orang2 Sepanyol untok mengembangkan dan memaksakan Ugama Keristian kapada umat Islam di-negeri ini tetapi perchubaan itu telah di-beri tentangan yang kuat oleh orang2 Brunei dengan semangat keislaman yang tegoh sa-hingga musoh2 Islam itu terpaksa berundor dari negeri ini.

Ini-lah semangat orang2 Islam Brunei yang sentiasa chintakan kapada ugama-nya yang sa-patut-nya sentiasa berkembang subor di-kalangan umat Islam sampai bila2 masa ia-itu bagi mempastikan supaya kekuasaan dan pengaroh Ugama Islam di-negeri ini tetap dalam keadaan-nya yang kokoh dan kuat serta menjadi ideologi negara dan chara hidup kita sa-panjang zaman.

Kerana itu mustahak-lah kita umat Islam mendukong kuat Ugama Islam dalam sa-tiap sudut kehidupan kita baik sa-chara perseorangan atau bermasharakat atau bernegara dengan erti kata jangan sa-kali2 kita chuba mengabaikan-nya kerana itu-lah puncha keselamatan dan keamanan, keadilan dan kebaikan kita, kebahagiaan kita hidup di-dunia dan di-akhirat.

Angkatan2 baharu umat Islam kita mustahak-lah di-beri didekan keislaman yang menchukopi supaya mereka tidak mudah terpengaroh dengan faham2 anti ugama atau faham2 yang mempermudah-mudahkan soal2 ugama. Kita sudah dapat menyaksikan akibat dari menyelewing-nya pendidekan dan pelajaran sa-tengah2 umat Islam di-sa-tengah2 negara Islam di-dunia sa-umpama di-Afghanistan yang sekarang di-bawah pengaroh Komunis pemimpin2 mereka yang baru telah di-didek di-negara Russia dan membawa pengaroh faham Komunis, lalu apabila angkatan baru itu naik berkuasa maka terjadi-lah apa yang telah dan sedang terjadi di-negara Islam itu.

Ini patut menjadi perhatian kita supaya jangan sampai angkatan baru kita menjadi orang2 yang anti Islam atau orang2 yang mempermudahkan soal2 Islam khas-nya angkatan2 terpelajar kita.

Ini bukan-lah bermakna kita menyekat angkatan baru kita mendapat pelajaran2 keduniaan yang berguna bagi kepentingan kita, tetapi apa yang kita maksudkan ia-lah supaya jiwa angkatan baru kita tidak kosong dari didekan dan pelajaran Islam. Penekanan terhadap didekan Islam ada-lah amat penting bagi menchapai tujuan ini.

Kerana itu kita berseru-lah semua pehak yang berkenaan dan sekalian umat Islam di-negeri ini supaya memberi perhatian yang lebeh dan berkesan terhadap pendidekan dan pelajaran ugama bagi anak2 Islam kita supaya mereka tetap menjadi umat Islam yang sejati yang sentiasa bersemangat Islam dan beramal dengan ajaran2 Islam.

Dengan jalan demikian mudah-mudahan angkatan2 baru kita yang akan datang tidak akan chuba menyuarakan suara2 yang sumbang terhadap ideologi negara dan chara hidup yang kita amalkan sejak zaman berzaman. Mari-lah kita terus tegakkan ajaran2 Allah yang benar di-bumi Allah Brunei yang bertuah ini, mudah-mudahan Allah akan terus melimpahkan rahmat dan pemeliharaan-Nya kapada kita, raja kita dan negara kita.

# Majlis Khatamal Kor'an penuntut2 Brunei di-UK.

LONDON. — Satu majlis Khatamal Kor'an sempena menyambut tahun baru 1400 Hijrah telah di-adakan di-sini dengan jaya-nya oleh penuntut2 Brunei pada hari Ahad 25hb Mei yang lalu.

Majlis itu yang di-hadhiri oleh hampir 200 orang tetamu telah di-ambil bahagian oleh 10 orang penuntut lelaki dan sembilan orang penuntut perempuan atas anjoran Bahagian Hal Ehwal Ugama Persatuan Penuntut2 Brunei dengan kerjasama ahli2 jawatankuasa dewan perhimpunan.

Dengan bimbingan Guru Ugama penuntut2 Brunei di-London, Awg Haji Zainal bin Abdul Kahar, majlis itu telah berjalan dengan lanchar dengan beberapa atorchara yang menarek yang di-dahului dengan bachaan Fatihah, dan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh penuntut2 yang di-khatamkan.

Do'a khatam telah di-sampaikan oleh Awg Abd Rahman bin Hj Metassim ia-itu salah sa-orang penuntut yang di-khatamkan di-samping bachaan dzikir Ashrakal yang di-ketuai oleh Awg Hashim bin Abd Hamid.

Pembantu dan Pengapit Wakil Kerajaan Brunei di-UK, Dato Paduka Awang Haji Ali juga turut hadhir dalam majlis tersebut di-samping beberapa orang pegawai kanan Kerajaan Brunei di-UK.

Majlis pada hari itu telah di-akhiri dengan bachaan do'a selamat yang juga di-sampaikan oleh Awg Hashim bin Abd Hamid.

Gambar2 ini sa-bahagian dari sudut majlis Khatamal-Kor'an tersebut yang antara lain menunjokkan penuntut2 lelaki dan perempuan yang di-khatamkan dan bachaan Ashrakal oleh para tetamu. (Berita dan gambar kiriman Awg Mohammad bin Hj Suhaili).







# PUSAT LATEHAN PERTANIAN SINAUT

## Sambongan minggu lalu

RANCHANGAN memberikan latehan di-perengkat juruteknik yang di-setujui pada tahun 1978 telah di-mulakan pada awal bulan Januari, 1979 dengan para pelateh yang di-ambil seramai tiga belas orang dalam kursus menanam padi. Enam minggu yang pertama bagi kursus itu ia-nya di-ajar oleh pegawai Jabatan Pertanian yang tinggal di-Pusat itu dan kemudian nya di-ambil aleh oleh pegawai pakar sechara kontrek, yang di-ambil bekerja oleh Sharikat Shell Brunei.

### RAAYAT DYMM

Para pelateh hendak-lah terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan, berumor antara 18 dan 28 tahun dan sa-kurang2 sudah lulus dua mata pelajaran Sijil Pelajaran Am tingkatan biasa melalui aliran Inggeris, yang mana salah satu daripada-nya ia-lah "biological science" dan yang satu lagi sa-baik2-nya dalam mata pelajaran sains lanjutan, bahasa Inggeris, Ilmu Alam atau Ilmu Kira2. Chalun2 yang ada nama-nya dalam senarai, yang memenohi kehendak2 ini dan sudah lulus dalam te m u-d u g a di-kehendaki menjalani ujian kechekapan dengan menggunakan "Morrisby Differential Test Battery". Ujian2 ini di-tadbirkan serta di-analisa dengan di-bantu oleh kakitangan Pejabat Latehan Shell Brunei.

Oleh kerana para pelateh itu nanti akan berkerja sebagai pengawas dalam ranchangan memajukan penanaman padi yang di-adakan oleh Kerajaan, kursus itu di-maksudkan bagi mengadakan latehan sechara menyeluroh dalam perusahan menanam padi, yang di-adakan di-bilek darjah dan kerja praktikal di-luar Sinaut dan di-tambah dengan penempatan sechara praktikal ka-projek menanam padi itu. Sebagai permulaan-nya, perkara yang baru di-sebutkan ini akan di-kelolakan melalui penempatan dengan kebenaran beramai-ramai antara bulan enam dan bulan sembilan semasa berkursus selama setahun itu. Dalam pada itu, kerana kemajuan yang di-chapai dalam projek menanam padi itu memberikan peluang yang besar bagi mendapatkan pengajaran praktikal, ranchangan penempatan itu telah di-susun semula dengan chara memberikan kebenaran belajar pada hari bekerja sahaja dari bulan ketiga hingga seterus-nya.

### PENILAIAN

Penilaian di-adakan tiap2 bulan dan ini terdiri dari ujian teori menjawab karangan pendek dalam bahasa Inggeris, ujian praktikal di-makmal dan ujian kechekapan menentukan keadaan yang mana sebahagian-nya di-adakan di-luar dan sebahagian-nya di-makmal. Selain dari itu, ada juga kertas ujian ulangkaji tiap2 tiga bulan sekali dan ujian teori dan praktikal yang terakhir pada tahun itu. Semasa di-adakan ujian terakhir, seorang pemereksa dari luar negeri di-jemput bagi mengadakan bahagian lisan dengan pelateh perseorangan terhadap segala aspek menanam padi paya.

Keputusan2 dari pelbagai ujian ini memberikan kebaikan dalam tafsiran mempertimbangkan tegasan mengajar kursus itu.

Chadangan telah di-buat oleh Jabatan Pertanian supaya kursus latehan juruteknik di-Sinaut itu di-jadikan chara biasa untok mengambil orang yang rendah dari tingkatan diploma bagi Jabatan itu. Dan lagi chara untok masok bekerja dengan Jabatan itu hendak-lah di-tetapkan dengan markah timbun-tambah yang di-perolehi oleh para pelateh masing2 semasa mereka mendapat latehan. Mereka yang mendapat markah lebih dari 70% akan di-timbangkan sebagai lulus dengan mendapat kepujian dan di-sokong untok masok bekerja dengan Jabatan itu pada tingkatan Penolong. Bagi mereka yang markah-nya antara 50% dan 70% akan di-timbangkan mendapat kelulusan biasa lalu di-shorkan di-ambil masok ka-dalam tingkatan Penolong Pegawai Rendah. Mana2 chalun yang mendapat kurang dari 50% akan di-timbangkan tidak lulus dan akan di-beri kerja dengan bergaji hari dan boleh dia memileh memasoki lagi pepereksaan terakhir bagi choba meninggikan lagi markah keselurohan bagi-nya.

Ketiga belas juruteknik yang tamat dalam kursus menanam padi pada tahun 1979 semua-nya lulus, dua belas orang daripada-nya dalam tingkatan mendapat kepujian dan seorang mendapat kelulusan biasa.

### DI-AMBIL BEKERJA

Chadangan2 yang di-berikan oleh Jawatankuasa Ternakan Jabatan Pertanian menunjokkan betapa perlu-nya di-segerakan di-ambil bekerja pegawai tingkatan juruteknik dalam segala lapangan perusahaan berkenaan. Satu sukatan pelajaran telah di-setujui oleh Jawatankuasa Ternakan dan Pusat Latehan dan pengambilan-nya telah di-adakan dalam bulan Jun, 1979.



PELATEH2 Peladang Muda bekerja di-kawasan tanaman sayor (atas). Alat2 video cassette telah di-gunakan buat pertama kali-nya di-pusat ini sa-masa mengadakan latehan dalam perkhidmatan dalam tahun 1979.



Chara pemilehan yang di-adakan ada-lah serupa dengan kursus juruteknik berkenaan padi dan data bilangan pemohon2 serta tempat mereka ada-lah sebagaimana di-tunjokkan dalam jadual di-bawah ini.

| Daerah | Bilangan Pemohon2 | Yang di-temu duga | Ujian kechekapan |
|---|---|---|---|
| Brunei/Muara | 19 | 17 | 11 |
| Tutong | 19 | 16 | 8 |
| Belait | 8 | 5 | 4 |
| Temburong | 2 | 1 | – |
| Jumlah | 48 | 39 | 23 |

Kursus di-mulakan pada minggu pertama bulan Oktober dan di-sertai oleh tiga belas orang. Malang-nya dua orang tidak menchapai taraf yang memadai dalam penilaian pada penyuku pertama lalu mereka di-minta meninggalkan-nya dalam bulan Disember. Kumpolan untok bekerja seramai sebelas orang itu di-kirakan tidak-lah chukop besar dan Pusat Latehan meminta Jabatan Pertanian menambah lagi orang bagi kursus itu. Ini ia-lah dari pegawai rendah dalam tingkatan Merinyu Ternakan kerana di-kirakan mempunyai kelayakan masok yang di-perlukan.

### PEGAWAI KURSUS

Seorang pegawai bagi mengajar kursus ini di-pinjamkan dari Jabatan Pertanian dengan di-biayai oleh Sharikat McFarm Limited, sebuah sharikat perusahaan ladang lembu daging yang di-daftarkan di-negeri Brunei dan pengambilan seorang pegawai lagi di-adakan oleh Jabatan Pertanian Kerja mengajar di-serapkan dengan chara sambilan oleh guru2 lain dari pegawai di-Pusat Latehan dan kakitangan dari perusahaan ternakan dari yunit2 penyelidekan dan pemeliharaan sapi Jabatan berkenaan.

Latehan bagi mereka yang mendapat kebenaran berkursus pada hari bekerja dan sechara beramai-ramai (block release) bagi kakitangan Jabatan Pertanian di-Sinaut di-tetapkan berupa kursus2 memberikan maklumat teknikal dan kemahiran luar bagi kakitangan tambahan semenjak dari pertengahan tahun 1975. Kursus2 yang di-adakan dalam tahun 1979 menunjokan bertambah sebanyak 23% dari tahun lalu kerana bertambah-nya kerjasama antara bahagian penambahan dan latehan dalam meranchangkan keperluan mereka.

Sebagaimana jua pada pada tahun 1978, kursus asas pertanian dengan kebenaran beramai-ramai (block relase) yang di-maksudkan bagi orang2 yang baru masok ka-Jabatan itu di-hitong lebih dari 30% banyak-nya bagi masa mengajar oleh pegawai yang perkhidmatan latehan dalam perkhidmatan dalam tahun berkenaan. Tanaman pokok dan menggunakan jentera ada-lah topik yang penting yang di-minta ulangkan latehan-nya dan ada-lah menggalakan menerima permintaan untok di-berikan latehan dalam perusahaan ternakan. Perkara baru yang di-minta termasok-lah pengurusan steshen pertanian dan latehan ka-edah pembesaran.

### CHARA BARU

Semasa di-adakan kursus yang baru di-sebutkan, satu penyampaian chara baru telah di-adakan dengan kerjasama dari Jabatan Perhubongan Perdagangan Shell Brunei, yang mengadakan kakitangan serta kelengkapan video-cassette untok mengambil gambar latehan2 perhubongan. Selepas itu ini di-tayangkan semula dengan menggunakan alat "video monitor" dan perbinchangan terhadap kandongan-nya, chara2 penyampaian dan menggunakan bantuan yang di-ketuai oleh pengajar.

Peruntokan masa bagi pelbagai topik teknikal di-tunjokkan dalam jadual berikut dan di-berikan juga angka perbandingan-nya bagi tahun 1978.

Latehan dalam perkhidmatan bagi Jabatan Pertanian, 1978 dan 1979

| Topik | 1978 | 1979 |
|---|---|---|
| | bilangan hari berlateh | |
| Pengeluaran tanaman yang sesuai bagi pertanian | 80 | 76 |
| Penghasilan padi | — | 104 |
| Pokok tanaman | 208 | 175 |
| Latehan menggunakan jentera | 238 | 172 |
| Penghasilan ternakan | — | 102 |
| Asas Pertanian | 408 | 372 |
| Pengurusan Memperbesarkan/ Steshen | — | 203 |
| Jumlah | 934 | 1204 |



JURUTEKNIK padi sedang memereksa semaian2 padi mereka yang akan di-pindah ka-ladang masing2.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 11HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS — "Bali Serma's Mask"
Serama Semadi E-Gusti Mura ada-lah sa-orang pemuda yang berusia enam belas tahun dari Pulau Bali. Ia juga berbakat dalam seni kuno tarian Bali yang di-pelajari-nya dari bapa-nya Anak Agung Geda Reka Saba, salah sa-orang guru terkemuka di-Bali.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 MORK AND MINDY — "Mork Gets Mindy Itch"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Short Odds"
7.49 AZAN ISHA
7.53 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PARIS — "Burn Out"
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV : "Murder By Natural Causes"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 12HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FACTS ARE THESE
5.15 AL-KESAH
5.35 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL
7.49 AZAN ISHA
7.53 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 DOKUMENTARI : "The Cat's Eyes Man"
10.30 HAGEN
11.20 PERLAWANAN GUSTI
12.10 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 13HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
5.00 STAR MAIDENS — "The Perfect Couple"
Dua orang pejuang pembebasan wanita menggunakan Fulvia sa-bagai sa-orang propagandis untok menchapai hajat mereka di-bumi.
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 DICK TURPIN
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GENERATION GAME
7.49 AZAN ISHA
7.53 GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GAMBUS
9.00 BENSON — "Jessica"
9.30 QUINCY — "A Night to Raise the Dead"
Los Angeles di-ancham oleh wabak kepialu yang mungkin merebak di-seluroh bandar melainkan Quincy dapat menyelesaikan sekatan2 politik di-mana mayat2 yang busok terbongkar dari sabuah kubor berdekatan bukit oleh hujan ribut yang menchurah2.
10.30 PERLAWANAN BOLASEPAK : England lawan Argentina
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 14HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SCOOBY DOO — "The Beast Is Awake In Bottomless Lake"
Dalam perjalanan-nya berchuti ka-sebuah perkampongan nelayan Kanada, kumpolan Scooby Doo menemui kesulitan dengan menyamar diri sa-bagai raksaksa kolam yang menggerunkan.
6.30 BEWITCHED — "Samantha's Secret Spell"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS
7.49 AZAN ISHA
7.53 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 BIG VALLEY — "The Velvet Trap"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 15HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
5.30 BASIC SPORTS SKILLS
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S SPACE RACE
6.30 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Beaver's Pond"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Nine Hours"
Sa-waktu bekerja di-sebuah hospital, Banner terpaksa mengejar waktu untok menyelamatkan nyawa sa-orang budak lelaki dan sa-orang penjenayah yang telah berubah hati.
7.49 AZAN ISHA
7.53 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GEORGE AND MILDRED — Satu siri komidi yang di-lakunkan oleh Brian Murphy dan Yootha Joyce.
9.00 KATE LOVES A MYSTERY — "Feelings Can Be Murder"
Kate mendapati segala2-nya berjalan dengan terlalu chepat bilamana ia menyertai kumpolan therapi jantina dalam usaha-nya untok menyelesaikan pembunohan salah sa-orang ahli2-nya.
9.50 LOVE AMONG THE ARTISTS
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Dip In The Pool"
Pelayaran Jack Weston di-kapal serba mewah bertukar menjadi mimpi yang menakutkan.
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 16HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 LEARNING TREE
5.30 BIG BLUE MARBLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Adam's Ark"
Grizzly hampir2 di-tangkap oleh sa-orang ditektif yang menchari-nya bila ia bersabong nyawa untok menyelamatkan binatang2 yang terperangkap di-dalam gunong berapi yang meletup.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.50 AZAN ISHA
7.54 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 EISCHIED
9.40 LIVE AT THE FORUM
10.30 LOU GRANT — "Scam"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 17HB JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CASTAWAY — "A Handful of Gold"
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Cupid Does It To Keyop"
Keyop jatoh chinta dengan anak gadis Pentadbir Galaktik dalam pertemuan pertama mereka, Keyop di-panggil untok menyelamatkan gadis itu dari ajen2 Spektra.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SHIRLEY — "On The Skids"
Shirley terpegun, bilamana sa-telah membuat beberapa pertemuan dengan Lew Armitage, ia menyedari bahawa teman baru-nya itu ada-lah sa-orang peminum.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SHIRLEY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE — "67 Hours, 24 Minutes And Counting"
Dan Stone di-pileh oleh orang2 fanatik sa-bagai orang perantaraan dalam satu skim yang sukar untok di-perchayai untok memeras $1 juta dengan menganchan untok meletupkan sa-biji bom atom di-bandar ini.
7.50 AZAN ISHA
7.45 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR : "Alvarez Kelly"
Di-bintangi oleh William Holden, Richard Widmark, Janice Rule dan Victoria Shaw.
11.45 SIARAN TAMAT.



DENNIS Weaver pelakun utama "Stone" yang di-tayangkan pada tiap2 hari Selasa jam 7.15 malam.



BRIAN Murphy dan Yootha Joyce sa-bagai George and Mildred di-mulakan pada hari Ahad jam 8.30 malam bagi menggantikan 'Just Friends'.





## Siswazah Brunei minggu ini

MINGGU ini Siswazah Brunei akan di-isikan oleh Pengiran Mohammad bin Pg Haji Abdul Rahman, Pegawai Ugama di-Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pengiran Mohammad beroleh ijazah B.A. dari Al-Azhar Universiti Kaherah pada tahun 1979.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada hari Ahad 15hb Jun 1980 jam 9.30 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

Kelihatan Pengiran Mohammad (kanan) sedang di-temuramah oleh Ali Haji Aji.



IT'S Programme for students. As from next week we will begin the new series called English Literature for 'O' Level, a series of interest we hope, to everyone but mainly to Students in Brunei who are studying 'Julius Caesar' and Great Expectations for 'O' Level. Each week on a Friday at 11.00 am and on a Monday evening at 8.00 pm (it's repeat) you will be able to hear the texts themselves, recorded by the BBC, and talks about the works presented by a variety of teachers of English in Brunei. Here is an opportunity for you to have the texts come alive through Radio performances, and to learn more about them, so that you can approach the exam, with confidence, or just enjoy with us these great works.

This Friday 11.00 am brings you programme 1, with David Temple, an English teacher with P.E.E., discussing the question, "In what sense is Julius Caesar a tragedy?" (Picture shows David Temple giving his comment on the first programme and listening attentively in front of him is John North, also from P.T.E.



## "ALVAREZ KELLY"

### — tayangan gambar hari Selasa

FILEM ini mengesahkan pengembara pembelot Alvarez Kelly (William Holden) membawa sa-kumpolan sapi dari Mexico untok di-hantar kapada U.S. Army Major Stedman (Patrick O'Neal) di-perusahaan Warwick di-Virginia. Dengan di-bantu oleh Charity Warwick (Victoria Shaw), Col. Tom Rossiter (Richard Widmark) mencholek Kelly dan "memujok"-nya dalam satu skim untok menghantar sapi ka-Richmond.

Dalam satu jamuan di-rumah Rossiter, Kelly menemui tunang Rossiter, Liz Pickering (Janice Rule), dan sa-lepas menghabiskan sa-malam bersama Alvarez, ia mengatorkan pelarian-nya. Kelly mengajar gorilla2 Confederate bagaimana mengendalikan sapi dan kemudian-nya menyertai Rossiter dalam serbuan-nya yang berjaya di-perusahaan Warwick. Major Stedman memerentah Howitzer Battery dan 500 orang askar Union yang memasang perangkap bagi Rossiter dan sapi di-jambatan yang mesti di-seberangi jika kumpolan ini mahu tiba di-Richmond.

Oleh kerana gagal untok menyeberangi jambatan, Kelly dengan sapi2 itu memasoki garisan2 Union. Dalam peperangan yang tidak terator ini, pengembala sapi bersabong nyawa untok menyelamatkan pegawai Confederate. Sa-orang penolong Rossiter chuba membunoh Kelly dalam kachau bilau itu tetapi diri-nya sendiri di-bunoh oleh Colonel.

Dengan kumpolan sapi yang selamat menuju ka-Richmond, Rossiter melepaskan Kelly untok membuat perjalanan-nya sendiri . . . ka-utara menuju ka-tempat Liz atau ka-selatan menuju ka-tempat Charity.

## intisari RTB minggu ini

S

Mei
Anak
dari
Belai

dio
denga
Brun

kaum
Radio
Belai
Ranc
5.00

alu2k
ran



SALAH satu adigan dalam tayangan gambar bertajok "Alvarez Kel… akan dapat awda saksikan pada hari Selasa 10hb Jun, jam 9.15 malam

# 200 PENUNTUT PTE IKUTI SKIM BIMBINGAN KERJAYA



DUA orang penuntut PTE yang berjaya mengikuti Skim Bimbingan Kerjaya sedang menchuba kebolehan dalam membantu kerja2 penyusunan semula Bilek Taklimat di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

JABATAN Pelajaran Bahagian Bakat Bimbingan Kerjaya telah menganjorkan satu skim latehan kerjaya bagi penuntut2 yang sedang menunggu keputusan peperiksaan S.A.P. Perengkat Lanjutan. Skim saperti ini ada-lah julong2 kali di-adakan di-mana penuntut2 yang berkelayakan yang hanya di-beri peluang bagi mengikuti skim ini sa-telah menjalani temuduga oleh pegawai pelajaran yang di-lakukan sebelum-nya.

Sa-ramai kira2 200 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam telah berjaya menjalani temuduga itu dan berpeluang mengikuti skim ini dan di-tempatkan di-jabatan2 Kerajaan seluroh negeri dalam berlainan jurusan. Antara-nya ada yang bertugas sa-bagai guru, pemberita, pengarang dan sebagai-nya. Skim tersebut bermula sejak 2hb Januari yang lalu dan akan berakhir pada bulan September yang akan datang.

Skim latehan kerjaya ini di-adakan ada-lah bertujuan untok memberi latehan asas kapada penuntut2 tersebut sa-belum menjawat satu2 jawatan yang tetap di-masa2 akan datang, di-samping memberikan peluang untok mengetahui sachara lebeh dekat akan perjalanan serta perkembangan dan juga tugas2 di-pejabat. Begitu juga penuntut2 itu berkesempatan mengetahui tentang masaalah2 yang di-hadapi oleh pegawai2 dan jabatan2 kerajaan dalam menjalankan tugas harian mereka.

Tegas-nya melalui skim ini dapat memberi pengalaman baru kapada penuntut2 tersebut. Umpama-nya penuntut2 yang di-tempatkan di-Bahagian Perancang Ekonomi di-beri peluang untok mengetahui tentang penggunaan alat2 meshen yang moden. Mereka juga dapat mengikuti atau mengetahui akan perkembangan2 ekonomi negara, pertambahan pendudok dari tahun-ketahun, ranchangan2 dan kemajuan Kerajaan dan sebagai-nya.

Di-bidang sibaran 'am, salah sa-orang penuntut yang bertugas sa-bagai sa-orang pemberita di-RTB telah menerangkan tentang pengalaman-nya serta faedah sa-lama mengikuti skim itu dalam menjalankan tugas yang di-amanahkan kapada-nya. Beliau berkata bahawa sa-bagai sa-orang pemberita yang baru tentu-lah menghadapi berbagai kesulitan dan masaalah. Walau bagaimana pun segala masaalah2 itu dapat di-atasi berkat tunjok ajar serta bimbingan dari pegawai2 yang bertugas. Tambah-nya lagi, tugas sa-bagai sa-orang pemberita bukan saja menyeronokkan bahkan juga mereka dapat bergaul dengan berbagai lapisan masharakat dengan lebeh dekat lagi.

Dan mengikut pendapat sa-orang penuntut yang di-tugaskan di-Bahagian Bilek Taklimat, Bahagian Penerangan menjelaskan bahawa dengan kedatangan mereka itu, segala kerja2 yang tidak dapat di-jalankan dengan lichin dan lanchar kerana kekurangan tenaga, telah dapat di-usahakan dan di-siapkan. Kata-nya, mereka telah berkesempatan mengetahui perjalanan kursus2 sivik yang di-anjorkan oleh Jabatan itu di-samping membuat plan2 yang mungkin menjadi kenangan bagi pejabat tersebut, khas-nya dalam penyelenggaraan Bilek Taklimat.

Tidak-lah dapat kita nafikan bahawa penuntut2 ini ada-lah kurang dari segi kemahiran, tetapi terdapat di-antara beberapa orang penuntut itu telah menampakkan bakat serta kechekapan dalam menghasilkan tugas2 mereka.

Apa yang dapat kita fahamkan di-sini bahawa tunjok ajar serta bimbingan dan kerjasama dari pegawai2 dan kakitangan yang berkenaan ada-lah penting bagi penuntut2 itu dalam menjalankan tugas2 mereka. Yang demikian sudah setentu-nya bahawa pegawai2 dan kakitangan Kerajaan di-mana penuntut2 itu di-tempatkan telah dapat membimbing mereka bagi melancharkan lagi perjalanan skim itu.

Penuntut2 yang mengikuti skim ini sunggoh merasa beruntong kerana bukan saja mereka dapat pengalaman2 baru bahkan mereka juga dapat mengikuti disiplin dan peratoran2 pejabat, yang mana dapat menolong mereka membentok peribadi untok menjadi raayat yang berdisiplin dan berguna kapada masharakat.

Di-samping itu juga di-antara penuntut2 ini telah berkesempatan meninjau dengan lebeh dekat lagi tentang kemudahan2 Kerajaan di-kawasan2 pendalaman untok menilai dan mengetahui serba sedikit akan kemajuan dan perkembangan pembangunan di-kawasan2 luar bandar.

Jabatan Pelajaran mengharapkan bahawa melalui skim itu ia-nya akan dapat melahirkan jenerasi2 muda yang berkemahiran dan berpendidekan dan juga berhemah tinggi. Semoga usaha Jabatan Pelajaran itu akan dapat di-teruskan di-masa2 yang akan datang.

# 99 orang pegawai di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan telah mengumomkan kenaikan pangkat 99 orang pegawai dari Jabatan2 Kerajaan.

Pengiran Badaruddin bin Pg Ghani, Penolong Ketua Ranchangan2 RTB di-naikkan pangkat ka-jawatan Ketua Ranchangan2 RTB ia-itu jawatan dalam Bahagian Satu; Pengiran Asmalee bin Pg Ahmad, Ketua Pereka RTB di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Ketua Ranchangan RTB dan Awg Ahmad bin Haji Hassan, Pelukis Gerafik RTB di-naikkan ka-jawatan Ketua Pereka RTB.

Kenaikan pangkat bagi ketiga orang pegawai itu bermula pada 10hb Januari, 1980.

Dua orang Penyunting Kanan RTB, Awang Mahari bin Ismail dan Awg Abdul Kadir bin Cheku/Chicku di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Ketua Penyunting Berita ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Kenaikan pangkat bagi kedua2 pegawai itu bermula dari 1hb Mei, 1980.

Empat orang lagi dari RTB telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penyunting Kanan mulai 1hb Mei, 1980. Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Haji Murad/Murat, Pengiran Tuah bin Pg Haji Menudin, Awang Aminuddin bin Haji Md Sum dan Dayang Rapiah bte Mustapha.

Sa-ramai tujoh orang Kerani Tingkatan II telah di-naikkan pangkat — dua orang ka-jawatan Penolong Pentadbir; dua ka-jawatan Pembantu Kewangan dan tiga ka-jawatan Kerani Tingkatan I.

Awang Johari bin Haji Johan dan Awang Mat Salleh bin Awang Abu Bakar di-naikkan pangkat ka-jawatan Penolong Pentadbir; Awang Muhammad bin Che'ku dan Awang Yap Kian Ann ka-jawatan Pembantu Kewangan dan Awang Adnan bin Haji Md Salleh, Awang Patrick Kong Yun Hyung dan Awang Mohd Ismail bin Haji Ahmad ka-jawatan Kerani Tingkatan I. Kenaikan bagi pegawai2 itu bermula pada 1hb April, 1980.

Sa-ramai 36 orang Kerani Tingkatan III dari beberapa buah jabatan juga telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Kerani Tingkatan II mulai 1hb April, 1980.

Mereka itu ia-lah Awang Kasim @ Nayan bin Haji Asmat, Awang Abd Rahman bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar, Awang Lee Wah Onn, Pengiran Mohammad bin Pg Sarpudin, Awang Md Ali bin Haji Mokti, Awang Mohd Salleh bin Abd Momin, Awang Jailani bin Mohd Noor, Awang Umar bin Adis, Awang Mohd Yusof bin Haji Lamat @ Abd Rahman, Awg Hidup/Dollah bin Lamit, Awang Yusof bin Haji Yahya, Awang Mohd Said bin Abu Bakar.

Awang Md Yusof bin Haji Metali, Awang Mohammad bin Kassim, Awg Abidin bin Mohd Zain, Awg Abd Samad bin Abdullah/Rosland Abdullah, Awg Zaman bin Haji Ladis, Awg Abu Bakar bin Haji Abd Latif, Awg Md Raikhan bin Awg Mohammad, Awg Mustapha bin Abd Kadir, Awg Paun bin Ayum, Awg Idris bin Haji Abdullah, Awg Sulaiman bin Md Daud, Awg Haji Ali bin Haji Nassar.

Awg Sibah bin Haji Dullah, Awg Damit bin Hashim @ Husrin, Awg Abd Majid bin Kanak, Awg Md Jaini bin Haji Moksin, Awg Zaidin bin Mahmood, Pg Sulaiman bin Pg Said, Awg Abd Karim bin Haji Safar, Pengiran Mohd Sallehuddin bin Pg Haji Ahmad, Ak Mat Said bin Pg Haji Tengah, Awg Mohd Salleh bin Yaakub, Awg Husli bin Awg Ladi dan Pg Tajuddin bin Pg Haji Mohammad.

Dua orang Guru Terlateh telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran. Mereka ia-lah Awang Redzuan bin Abdullah dan Pg Abdul Razak bin Pg Ahmad. Kenaikan pangkat bagi Awg Redzuan bermula pada 12hb Julai, 1979 manakala kenaikan pangkat bagi Pg Abd Razak bermula 4hb Julai, 1979.

Lima orang Guru Tingkatan Khas di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Kesejahteraan di-Jabatan Pelajaran. Lantekan mereka bermula pada 1hb Jun, 1979. Mereka itu ia-lah Awg Haji Abd Hamid bin Md Yaakub, Awg Kamis bin Haji Lamat, Awg Ahmad bin Haji Mahmud, Awg Jalani bin Haji Mokti dan Awg Timbang bin Abd Halim @ Mohd Maidin bin Salim.

Sa-orang Jurutera Kerja, Jabatan Kerja Raya, Awg Noordin bin Md Yusof di-naikkan pangkat sa-bagai Jurutera Kerja Kanan ia-itu jawatan dalam Bahagian I. Lantekan beliau bermula pada 1hb Januari, 1980.

Pembantu Teknik Kanan JKR Awg Abd Hadi bin Yaakub telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Ketua Pembantu Teknik mulai 1hb Oktober, 1979.

Lima orang Pengawas Tingkat I JKR telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pengawas Tingkatan Khas mulai 1hb Mei, 1980. Mereka ia-lah Pg Lela Negara Pg Haji Mohammad ibni Almarhum Pg Bendahara Anak Abdul Rahman, Awg Haji Abd Rahman bin Haji Abd Rahim/Ibrahim (Jack Ebert); Awg Sabtu bin Md Said, Awg Ismail bin Abd Ghani dan Pg Md Yusof bin Pg Haji Md Daud.

Awang Abdul Jalil bin Abu Bakar, Pembantu Teknik Kanan Jabatan Ukor di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Pembantu Teknik di-jabatan yang sama mulai 1hb, 1980.

Tiga orang Pembantu Teknik Jabatan Ukor di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik Kanan mulai 1hb Mei, 1980. Mereka ia-lah Awg Abd Hamid bin Hitam, Awg Sarwadi bin Pengarah Haji Abdullah dan Awg Tamit bin Haji Nudin.

Tiga orang dari Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan juga telah di-naikkan pangkat. Mereka ia-lah Awg Mohd Tahir bin Haji Nudin, Ketua Jururawat menjadi Penguasa Jururawat Mata; Pg Haji Ahmad bin Pg Haji Metali di-naikkan pangkat ka-jawatan Pelawat Kesihatan Batok Kering dan Awg Majid Khan bin Abdul Khan, Juruteknik Makmal Kanan ka-jawatan Ketua Juruteknik Makmal.

Lantekan bagi ketiga orang pegawai itu bermula pada 1hb Mei, 1980.

Lihat muka 12

# Ketua Ranchangan2 RTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menaikkan pangkat Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menjadi Ketua Ranchangan2 di-Jabatan Radio Talivishen Brunei ia-itu jawatan dalam Kumpolan Empat (Group 4).

Berumor 33 tahun, beliau mendapat pendidekan asas di-Sekolah Melayu SMJA dan Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Singapura. Beliau telah menjadi anak Brunei yang pertama dari Aliran Persekolahan Melayu berjaya memperoleh ijazah dari universiti seberang laut apabila pada tahun 1971 beliau telah di-anugerahkan ijazah B.A. (Hons.) Jurusan Linguistik dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan pada tahun 1972 beliau melanjutkan pengajian di-universiti yang sama dalam bidang pendidekan dan berjaya memperolehi ijazah lanjutan Diploma Pendidekan dalam tahun 1973.

Pengiran Badaruddin mula berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada 2hb Januari, 1973 sa-bagai Pegawai Bahasa di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan apabila Jabatan Radio Talivishen Brunei di-tubohkan pada 1hb Januari, 1975 beliau telah di-tukar jawatan menjadi Penerbit Kanan Talivishen.

Pada tahun 1975 beliau telah di-hantar ka-Perbadanan Penyiaran Singapura (RTS) untok menjalani kursus di-bidang penerbitan ranchangan2 talivishen dan sekali lagi dalam tahun 1976 di-hantar menjalani kursus yang sama di-Perbadanan Penyiaran British (BBC). Beliau telah di-naikkan pangkat menjadi Penolong Ketua Ranchangan2 pada 1hb Julai, 1977.

Sementara itu, Kerajaan DYMM juga telah berkenan menaikkan pangkat Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Ketua Pereka menjadi Penolong Ketua Ranchangan2 di-Jabatan Radio Talivishen Brunei ia-itu jawatan dalam sukatan gaji B3.

Pengiran Asmalee pernah menjalani kursus penerbitan ranchangan2 talivishen di-Perbadanan Penyiaran Singapura dan Perbadanan Penyiaran British (BBC) di-samping menghadhiri Pemasaran Ranchangan2 Talivishen Antarabangsa di-Peranchis dan Amerika Sharikat.

Lantekan bagi kedua2 orang pegawai itu bermula dari 10hb Januari, 1980.



Pg Badaruddin.

# Wakil Pejabat Pos yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos telah melantek Sharikat Melayu Sengkurong, Kampong Sengkurong, Batu 10, Jalan Tutong sa-bagai wakil pos.

Mulai 1hb Jun lalu, wakil pos ini menjual setem2, surat2 udara ringan, buku2 kechil setem dan lain2. Wakil pos itu juga menerima barang2 yang berdaftar untok di-pos.

Bagaimana pun, kesemua penghantaran surat2 untok kawasan ini akan di-buat oleh posman2 saperti biasa.

# AMDB PERLIHATKAN KECHEKAPAN2



31hb Mei ia-lah hari ulang tahun penubohan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei. Sa-tiap tahun pasokan itu menyambut ulang tahun-nya itu dengan mengadakan berbagai2 pertunjokan.

Dalam sambutan ulang tahun-nya yang ke-19 bulan lalu, pasokan itu telah mengadakan berbagai2 pertunjokan alat2 ketenteraan serta kechekapan di-samping berbagai kegiatan pasokan itu di-empat daerah di-seluroh negeri.

Di-Kuala Belait, sambutan itu telah di-adakan di-Padang Panglima sementara di-Tutong di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim. Pertunjokan2 di-Kuala Belait dan Tutong itu di-jayakan oleh anggota2 Battalion Kedua.

Pertunjokan di-Bandar Seri Begawan telah di-jayakan oleh anggota2 Angkatan Laut Pertama dan Chawangan Udara sementara di-Pekan Bangar, Temburong di-jayakan oleh anggota2 dari Battalion Pertama.

Di-sepanjang sambutan itu, orang ramai telah di-beri peluang menyaksikan sa-chara dekat akan peralatan2 yang di-lengkapkan kapada pasokan itu.

GAMBAR2 di-ruangan ini memperlihatkan kemeriahan yang di-berikan oleh orang ramai dalam sambutan ulang tahun ke-19 pada 31hb Mei yang lalu.























# Tiga orang Pegawai Ranchangan RTB berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang kakitangan Radio dan Talivishen Brunei, kini sedang berada di-Singapura untok menjalani kursus dalam berbagai2 bidang penyiaran di-Perbadanan Penyiaran Singapura sa-lama sa-bulan.

Mereka ia-lah Dayang Salmah Abdul Rahman, Dayang Jamilah Abdullah dan Awang See Chee Kiat.

Dayang Salmah Abdul Rahman, Pegawai Ranchangan Tingkatan II, Bahagian Melayu, di-tempatkan di-Bahagian Penerbitan Ranchangan Drama dan Ranchangan2 Hiboran.

Dayang Jamilah Abdullah, Pegawai Ranchangan Tingkatan I, di-tempatkan di-Bahagian Ranchangan Hal Ehwal Semasa, Majallah Wanita dan Bahagian Pentadbiran Ranchangan2 Bahagian Melayu.

Manakala Awg See Chee Kiat, Pegawai Ranchangan Tingkatan I, Bahagian China, di-tempatkan di-semua Ranchangan2 Radio termasok Bahagian Pentadbiran.

Kursus itu bertujuan untok memberikan mereka pengetahuan yang luas dalam menerbitkan ranchangan2 radio di-samping memberikan mereka pengalaman dalam kerja2 penerbitan.

Mereka di-jangka pulang ka-tanah ayer awal bulan depan.



Dayang Salmah.



Dayang Jamilah.

## Peluang ikuti kursus di-PLTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Brunei mempelawa pemohon2 yang terdiri raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan untok mengikuti beberapa kursus sa-penoh masa di-Pusat Latehan Teknikal Brunei di-Jalan Muara.

Kursus2 yang di-tawarkan ia-lah Kursus Juruteknik Pembenaan (Construction Technician Course), Kursus Kerani (Clerical Course), Kursus Membaiki badan kereta (Vehicle Body Repair Course) dan Ukor Tanah (Land Surveying).

Kursus2 ini akan mengambil masa sa-lama sa-tahun dan akan bermula dalam bulan Ogos tahun ini.

Sharat2 dan kelulusan yang di-kehendaki untok mengikuti kursus2 tersebut di-siarkan di-ruangan iklan muka 17.

Borang2 permohonan boleh di-perolehi dari Pengetua Pusat Latehan Teknikal Brunei, Peti Surat 914, Bandar Seri Begawan. Borang2 juga boleh di-perolehi dari Pengetua2 Sekolah2 Menengah atau Jabatan Pelajaran Bandar Seri Begawan.

Semua permohonan hendak-lah di-hantar kapada Pengetua Pusat Latehan Teknikal Brunei tidak lewat dari 26hb Jun, 1980.

## Ikuti kursus kerjasama di-U.K.



DUA orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama Brunei kini sedang mengikuti kursus Supply and Consumer Co-operative sa-lama tiga bulan di-International Co-operative Training Centre, Co-operative College, England.

Mereka terdiri dari Awang Haji Abdul Ghaffar bin Pengarah Mukim Haji Naim (berdiri dua dari kanan) dan Awg Zainuddin bin Haji Tuah (berdiri empat dari kanan).

Kedua-dua mereka telah mula mengikuti kursus tersebut pada April lalu dan di-jangka pulang pada awal Julai ini.

## Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kelima

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Sivik bagi Penuntut2 Seberang Laut akan di-adakan dalam bulan Ogos depan. Kursus kali kelima itu akan diadakan pada 24hb hingga 29hb Ogos bertempat di-Sekolah Pertukangan Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan2 Pelajaran, Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Thema kursus pada tahun ini ia-lah 'Penuntut Yang Berilmu dan Beriman'.

Saperti di-tahun2 yang lalu, kursus yang akan diadakan itu ada-lah bertujuan untok memberikan fahaman yang betul serta meningkatkan kesedaran penuntut2 yang belajar di-seberang laut mengenai hal ehwal semasa sekitar negeri dan Kerajaan.

Atorchara kursus pada tahun ini akan lebeh banyak di-isikan dengan acharа2 praktikal dan berbentok khemah kerja.

## Sambutan Isra' dan Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Agama Pelajar-Pelajar Islam (B.A.P.P.I.), Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bahagian Menengah Atas akan mengadakan Sambutan Isra' Me'raj petang esok, 12hb Jun, 1980.

Majlis itu akan di-adakan di-Bilek Ibadat Maktab SOAS, dan akan di-mulakan pada jam 6.00 petang.

Achara kemunchak di-majlis itu nanti ia-lah satu sharahan khas oleh sa-orang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Pelajar2 dan pendudok2 di-sekitar Maktab SOAS ada-lah di-persilakan untok hadhir di-majlis tersebut.

# PEGAWAI2 YANG NAIK PANGKAT

Dari muka 9

Dua orang Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Ugama. Mereka ia-lah Awang Haji Metussin bin Haji Baki dan Awang Haji Adam bin Haji Ahmad. Kenaikan pangkat bagi Awg Haji Metussin bermula 1hb Disember, 1979 sementara lantekan bagi Awg Haji Adam bermula 3hb Disember, 1979.

Dua orang lagi pegawai JHEU, Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas bin Pg Aliuddin, Ketua Merinyu Hal Ehwal Ugama di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Penyiasatan Hal Ehwal Ugama mulai 1hb Februari, 1980 dan Pg Haji Tuah bin Pg Mohammad, Kerani Tingkatan II di-naikkan pangkat sa-bagai Pengelola Baitol Mal Zakat dan Fitrah mulai 1hb April, 1980.

Tiga orang Pembantu Haiwan, Jabatan Pertanian di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Haiwan Kanan mulai 1hb Mei, 1980. Mereka ia-lah Awg Kamis bin Haji Jaafar, Awg Mohammad Yahya bin Haji Abdul Ghani dan Awg Zainal bin Haji Sahak.

Empat orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah di-naikkan pangkat. Mereka ia-lah Awg Ahmad bin Haji Awg Ghafar, Pegawai Kebudayaan, di-naikkan sa-bagai Pengelola Perkembangan Kebudayaan; Awang Sawal/Shawal bin Rajab, Penolong Pengarang di-naikkan pangkat sa-bagai Pengarang; Awang bin Ahmad, Pegawai Penyelidek di-lantek sa-bagai Pegawai Penyelidek Kanan dan Awg Haris bin Bidin, Penyemak di-naikkan pangkat sa-bagai Penyemak Kanan.

Kenaikan pangkat bagi kempat2 orang pegawai itu bermula 1hb Mei, 1980.

Sa-orang Pekerja Kebajikan dan sa-orang Kerani Tingkatan III di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah di-naikkan pangkat ka-jawatan dalam Bahagian Tiga mulai 1hb Mei, 1980. Dayang Naemah bte Haji Md Yusof di-naikkan pangkat sa-bagai Pekerja Kanan Kebajikan sementara Awg Abdul Ghani bin Md Ali di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penguasa Kolam Berenang.

Dua orang Penyelia Kanan, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pegawai Kemajuan Kerjasama mulai 1hb Mei, 1980. Mereka ia-lah Awg Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab dan Awg Ibrahim bin Haji Jalil.

Sa-orang Ketua Teknik, Jabatan Talikom dan sa-orang Ketua Pembantu Teknik, Jabatan Letrik telah di-naikkan pangkat ka-Bahagian II. Awg Yee Chao Lin, Ketua Teknik — Talikom di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Kejuruteraan Kawasan di-jabatan yang sama mulai 1hb Januari, 1980. Wan Junaidi bin Wan Tassim, Ketua Pembantu Teknik — Letrik di-naikkan pangkat sa-bagai Pengawas Loji di-jabatan yang sama mulai 1hb Mei, 1980.

Awang Haji Mohd Hassan bin Haji Awg Timbang, Pegawai Muzium di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Muzium Kanan mulai 1hb Januari, 1980.

Awg Md Daud bin Haji Awg Timbang, Pegawai Foto, Jabatan Muzium telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Muzium mulai 1hb April, 1980.

Lain2 pegawai dalam Bahagian IV yang di-naikkan ka-Bahagian III ada-lah saperti berikut : —

Awg Vincent Chung Kwang Hock, Pegawai Kastam, Jabatan Kastam di-naikkan pangkat ka-jawatan Penyelia (Dalam) di-jabatan yang sama mulai 1hb Julai, 1979.

Awang bin Abdul Rahman, Pegawai Watch, Jabatan Penerbangan Awam di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Bomba Lapangan Terbang mulai 1hb Januari, 1980.

Awg Aripin bin Haji Ahmad, Penyelia Tambatan dan Gudang, Jabatan Pelabohan2 di-naikkan pangkat ka-jawatan sa-bagai Penyelia Pelabohan2 mulai 1hb Januari, 1980.

Awg James Shie, Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara, Jabatan Penerbangan Awam di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara Tingkat III mulai 1hb Februari, 1980.

Awg Ibrahim bin Mohd Yusof, Jurutrengkas Melayu, Istana Darul Hana, di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Sulit/Jurutaip di-jabatan yang sama mulai 1hb April, 1980.

Awg Tan Choon Seng, Kerani/Jurubahasa — Kehakiman di-naikkan pangkat sa-bagai Jurubahasa Kanan di-jabatan yang sama mulai 1hb Mei, 1980.

Awg Metassan bin Haji Metussin, Penolong Penguasa Pos (Bahagian Bungkusan) di-naikkan pangkat sa-bagai Penguasa Pos (Bahagian Mel) mulai 1hb April, 1980.

Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran dan persaraan pegawai2 saperti di-bawah ini : —

| BIL. | NAMA DAN JAWATAN | LAIN-LAIN HAL |
|---|---|---|
| 1. | Pengiran Mohd Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Pemangku Timbalan Pengarah Perjawatan, Perjawatan. | Di-lantek sa-bagai Penolong Pentadbiran di-Pejabat Perkhidmatan Diplomatik Brunei mulai dari 28hb Januari, 1980. |
| 2. | Awang Tengah/Damit bin Haji Hussin, Penterjemah Kanan, RTB. | Di-tukar ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan dalam jawatan yang sama mulai dari 18hb Februari, 1980. |
| 3. | Dayang Sharifah Zainab bte Syed Ibrahim Altahir, Penterjemah Kanan, JKR. | Di-tukar ka-Pejabat Perkhidmatan Diplomatik Brunei dalam jawatan yang sama mulai dari 1hb Mach, 1980. |
| 4. | Dayang Rosniah bte Mohd Hassan, Setiausaha Sulit, Pelajaran. | Di-tukar ka-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei dalam jawatan yang sama mulai 5hb Mach, 1980. |
| 5. | Dayang Rose Wong Mui Len, Ketua Jururawat, Perubatan. | Jawatan-nya di-ubah sa-bagai Penolong Penyelia Jururawat di-jabatan yang sama mulai dari 1hb April, 1980. |
| 6. | Guru2 Ugama Terlateh, Ugama : — 1) Awg Ali bin Tahir, 2) Awg Salleh bin Atma, 3) Awg Dzulkefdi bin Masri. | Jawatan mereka di-ubah sa-bagai Guru Sekolah Arab di-jawatan yang sama mulai dari 1hb April, 1980. |
| 7. | Pengiran Haji Ismail bin Pg Ali, Kerani Tingkatan II, AMDB. | Di-tukar ka-Pejabat Tanah dalam jawatan yang sama mulai dari 5hb April, 1980. |
| 8. | Pg Haji Serudin bin Pg Haji Daud, Kerani Tingkatan II, Dewan Bahasa dan Pustaka. | Di-tukar ka-Lembaga Pepereksaan dalam jawatan yang sama mulai dari 5hb April, 1980. |
| 9. | Awg Haji Serudin bin Mohd Tarif, Kerani Tingkatan II, Pertanian. | Di-tukar ka-Pejabat Daerah Brunei dan Muara dalam jawatan yang sama mulai dari 7hb April, 1980. |
| 10. | Awg Mohd. Yusof bin Tuah, Kerani Tingkatan II, Pos. | Di-tukar ka-Jabatan Pelajaran dalam jawatan yang sama mulai dari 14hb April, 1980. |
| 11. | Awg Abu Bakar bin Abdul Rahman, Kerani Tingkatan II, Pulis. | Di-tukar ka-Jabatan Kerja Raya dalam jawatan yang sama mulai dari 15hb April, 1980. |
| 12. | Pengiran Badaruddin bin Pg Rabaha, Kerani Tingkatan II, RTB. | Di-tukar ka-Jabatan Talikom dalam jawatan yang sama mulai dari 21hb April, 1980. |
| 13. | Awang Ang Kim Chan, Kerani Tingkatan II, Setor2 dan Perbekalan2 Negara. | Di-tukar ka-Jabatan Radio dan Talivishen dalam jawatan yang sama mulai dari 1hb Mei, 1980. |
| 14. | Awg Abdul Jalil bin Abd Latif, Ketua Pembantu Teknik, JKR. | Bersara pada 5hb Januari, 1980. |
| 15. | Datin Mariana bte Abdullah, Ketua Jururawat, Perubatan. | Bersara pada 18hb Januari, 1980. |
| 16. | Awg Jacob Thane Khun Pow, Kerani Tingkatan I, JKR. | Bersara pada 30hb April, 1980. |



O Radio Brunei Kuala Belait, menyepi sekian d..n kini lahir semula di-udara pada 31hb dengan menyiarkan lagu2 permintaan Derma in dua hala, ia-itu siaran sa-chara langsong Bandar Seri Begawan dan Studio Kuala

dang-nya semula pemancharan Studio Ra- uala Belait itu, di-hasratkan bersempena n tarikh ulang tahun Askar Melayu Diraja e-19.

yang berikut-nya, 1hb Jun, 1980, di-sa'at erai'kan Hari Gawai, Bahagian Melayu memulakan siaran-nya di-Studio Kuala ah petang-nya, dengan Rakaman Radio. i akan di-siarkan Tiap2 Hari Minggu jam

semula Studio Kuala Belait, telah di- Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengi- Pg Temanggong Pg Haji Muhammad.

Kelihatan dalam gambar atas Pemangku Pegawai Daerah Belait, sedang di-temuramah oleh wakil Bahagian Melayu, Awang Hashim Suhaimi bersempena dengan siaran pertama dari Studio Radio Brunei Kuala Belait.

Berikut senarai nama2 penderma Permintaan Anak2 Yatim yang di-siarkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei, siaran pada 31hb Mei dan 1hb Jun, 1980.

| | |
|---|---|
| Hajjah Rahmah Masrawi | $10.00 |
| Asmatu | $10.00 |
| Ak Mostafa | $10.00 |
| Hirda | $ 5.00 |
| Sri Mas Hardiana Abd Manaf | $ 5.00 |
| Asiah Jalil | $ 5.00 |
| Haripan | $ 5.00 |
| Ak Bahrin Pg Zahari | $ 5.00 |
| Rumiham Abdullah | $ 5.00 |
| Amalia Emran | $ 5.00 |
| Raisah P. R. Othman | $ 5.00 |
| Dayang Amaliha Emran | $ 5.00 |
| Ramlah Idris | $ 5.00 |
| Nor Brunei | $ 5.00 |
| Kiah Muktar | $ 4.00 |
| Yusof Haji Marsal | $ 4.00 |
| Juayah Surut | $ 3.00 |
| Nurulfeezan | $ 3.00 |
| Norizan Haji Mahari | $ 3.00 |
| Mohd Hairol Hakimin | $ 2.00 |
| Dayang Marinah H | $ 2.00 |
| Noraslinah Ramlee | $ 2.00 |
| Armah Mohd Noor | $ 2.00 |
| Noraslina Abu Bakar | $ 2.00 |
| Aisah Momin | $ 2.00 |
| Kamaliay: Haji Abd Latif | $ 2.00 |
| Dharrony Usman | $ 2.00 |
| Dk Sara Pg Duraman | $ 1.00 |
| Dharrony Usman | $ 1.00 |
| Roslani Kampong | $ 1.00 |
| Bakar Mohammad | $ 1.00 |
| Sgt Kelali Uchok | $ 1.00 |
| Zuilazan Abdullah | $ 1.00 |
| Juhny Haji Mohd Yussuf | $ 1.00 |
| Noraizan Abdullah | $ 1.00 |
| Zainab Haji Hassan | $ 1.00 |

Nama2 penderma berikut-nya, akan di-siarkan dalam keluaran Pelita Brunei akan datang.



GAMBAR ini menunjokkan rakaman ranchangan Dunia Wanita yang mana memuatkan sudut perbinchangkan mengenai dengan peranan wanita dalam pembangunan masharakat.

Kelihatan dalam gambar penerbit ranchangan Dyg. Saloma Mahmud (berdiri sedang memerhatikan) bersama dengan pengerusi perbinchangan Dyg Hajjah Halimah Abdul Latif dan tiga orang penal terdiri dari Dk Hajjah Hairani Pg Muda Kahar, Dyg Fatimah Haji Husain dan Dyg Mislee Haji Awang.

Ranchangan dunia Wanita dapat di-ikuti sa-tiap hari Ahad jam 8.00 pagi dan ulangan-nya pada hari Selasa, jam 9.00 malam.

# RANCHANGAN TVP DARI 16HB HINGGA 21HB JUN

## ISNIN — 16HB JUN

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 2'
Ranchangan ini ada-lah bahagian kedua dari siri ranchangan 'Magnet 1'. Dalam ranchangan ini murid-murid akan belajar mengenai
- a) sifat-sifat magnet
- b) benda-benda magnetik dan benda-benda bahan magnetik
- c) Faedah magnet

Benar-kah magnet sentiasa menarek benda-benda ? Saksikan-lah ranchangan ini untok mendapatkan jawapan-nya.




Medan magnet




Kutub yang berlainan menarek




Kutub yang sama menolak.

10.30 KAP KAP UDANG 106
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMIN, MAIN KUDA dan HALAMAN BERCHERITA.
Di-ruangan HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan membachakan sa-buah buku cherita yang bertajok 'Ali membuat kueh'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 106.

## SELASA — 17HB JUN

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 2'

10.30 KAP KAP UDANG 107
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMINAH, KETUA KESELAMATAN dan SIRI PERMULAAN.
Di-ruangan KERJA TANGAN, Che'gu Sa'diah akan menunjokkan chara menghias biskut menggunakan kerim dan choklat.
Kali ini SI-MANIS berpesan supaya menchuchi tangan sa-belum makan atau menjamah sebarang makanan.
KETUA KESELAMATAN kali ini menasehatkan anak2 semua supaya jangan bermain dengan gas dapor.
Di-SIRI PERMULAAN, Che'gu Sa'diah akan membachakan sa-buah buku bertajok 'Dapor'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 107.

## RABU — 18HB JUN

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 2'

10.30 KAP KAP UDANG 108
BERMAIN MUSIK, TEKA-TEKI, BERSENAM, MAIN KIM, dan PETI SURAT ada-lah di-antara aktiviti2 yang dapat di-ikuti dalam ranchangan kali ini.
Kanak2 akan memileh alat2 musik dan memainkan-nya mengikut irama yang dimainkan sambil berpusing keliling dihalaman BERMAIN MUSIK.
Di-halaman PETI SURAT Che'gu Sa'diah akan membachakan surat yang diterima-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 108.

## KHAMIS — 19HB JUN

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Magnet 2'

10.30 KAP KAP UDANG 109.
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 BERMAIN BAKUL, TEKA-BENDA, AMINAH, BERMAIN BOLA dan HALAMAN BERCHERITA.
Kanak2 akan belajar mengimbangkan bakul di-atas kepala mereka dan bernyanyi sambil berpusing keliling di-halaman BERMAIN BAKUL.
Di-HALAMAN BERCHERITA pula Che'gu Sa'diah akan bercherita tentang kesah sa-orang raja yang gemar makan ikan.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 109.

## SABTU — 21HB JUN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 110.
Kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, PEKERJAAN SENDIRI, AMIN, KATA SI-MANIS dan HALAMAN BERCHERITA.
Di-sudut PEKERJAAN SENDIRI, anak2 yang berada di-kelas Kap Kap Udang akan menunjokkan lukisan2 yang mereka buat kapada Che'gu Sa'diah.
Che'gu Sa'diah akan membachakan sabuah buku mengenai sa-ekor arnab bernama 'Sniff' yang suka memakan lubak merah di-HALAMAN BERCHERITA.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 110.




CHE'GU Sa'diah kelihatan bersama kanak2 yang menyertai Kelas Kap Kap Udang dalam siaran khas bagi menyambut Isra' dan Me'raj yang akan dapat awda saksikan pada hari ini jam 4.30 petang.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. **MALAM :** 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. **T/HARI :** 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 —Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG :** 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



**DK SABARIAH Pengiran Saifuddin, beralamat No. 25 Kampong Sungai Pandan 'B' Brunei mendapat peluang memileh tujoh buah lagu dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.**

**Lagu2 pilehan Dk Sabariah akan kaudara pada hari Rabu, 18hb Jun 1980, jam 9.30 malam.**

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. **T/HARI :** 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG :** 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 —Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (Duty Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI :** 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Tunas 'Pendidek, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Salam Mesra. **T/HARI :** 12.00 — Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM :** 7.00 — Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. **NOON :** 12.00 — Melody Time. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. **NOON :** 12.00 — My Music; 12.30 — News; 12.45 — Music from the Movies with Viviyanti Ali; 1.15 — Curious But True by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Sixty Minutes Theatre: "Old Man and The Boy" by D. R. Sherman; 9.00—Brunei Cameos (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Vibrates In The Memory by David Temple; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Literature for 'O' Level — Julius Caesar Programme 1; 11.45 — Light Music from the Netherlands. **NOON :** 12.00 — Radioscope by Charan Chand. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Jacques Offenbach and His Music Prog. 3: A Coffee House Gathering on the Camps—Elysees; 1.15 — Scientifically Cheating by Dr. Chris Evans Prog. 2. The Strange Case of the Piltawn Skull; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Curious But True by Nafisah Haji Ali (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 11.30 — International Call. **NOON :** 12.00 — Sweet And Stylish. **PM :** 12.30 — News; 12.45—Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Turtle Dairy by Russell Hoban; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Charan Chand. **NOON :** 12.00 — Top of the Pops (repeat). **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin Pg Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Nights Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. **NOON :** 12.00—I am Sorry I'll read that again. **PM :** 12.30—News; 12.45 — Science Potpourri produced by Viviyanti Ali; 1.15 — Interlude of Music; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — English Literature For 'O' Level — Julius Caesar Prog. 1 (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; **NOON :** 12.00 — Just A Minute. **PM :** 12.30 — News; 12.45—Strictly Instrumental; 1.00 — A Short Guide to Musical Instrument Prog. 2 : "The Oboe And The English Horn"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Bethnal". Side 2; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Vegetable or Mineral (repeat); 10.00 — Close Down.

# 56 PASOKAN SERTAI PIALA LIGA BAFA KETIGA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Beruddin telah merasmikan Piala Liga Bolasepak Kebangsaan Brunei kali yang ketiga yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Jumaat 30hb Mei yang lalu.

Achara pada petang itu telah di-mulakan dengan sabda uchapan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Hj Rajid, Naib Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan perasmian oleh Awg Talip selaku wakil peribadi kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Sa-lepas upachara perasmian itu, Ketua Pegawai Belia dan Sokan kemudian-nya di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian di-kejohanan tersebut.

Sa-banyak 56 buah pasokan di-seluroh negeri — 47 buah dari Daerah Brunei dan Muara; tujoh dari Daerah Belait dan dua yang lain dari Daerah Tutong telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada lapan kumpolan di-mana johan dan naib johan tiap2 kumpolan akan di-pileh untok memasoki perengkat suku akhir.

Perlawanan pertama pada hari itu ia-lah di-antara Pasokan Kelab Bolasepak Setika dengan Pasokan Kelab Sokan Thiam Heng ia-itu dalam kumpolan empat. Keputusan perlawanan Pasokan Thiam Heng telah menewaskan Setika dengan lima jaringan berbalas tiga, kesemua gol2 tersebut telah di-jaringkan dalam separoh masa kedua.

Perlawanan Piala Liga ini di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) buat kali yang ketiga dan bertujuan untok menchari bakat2 baru dalam arena bolasepak di-samping untok meninggikan taraf dan mutu permainan bolasepak di-negeri ini.



KETUA Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.



PERLAWANAN pembukaan antara pasokan Kelab Bolasepak Setika dengan Kelab Sokan Thiam Heng. Dalam perlawanan ini pasokan Thiam Heng menang 5-3.

## Pasokan b-sepak sekolah2 bertolak hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Brunei yang berumor 18 tahun kebawah telah menchapai dua kemenangan dalam perlawanan persahabatan dengan pasokan dari Sabah dalam siri lawatan pasokan tersebut di-sana yang bermula dari 2hb hingga 5hb Jun yang baru lalu.

Dalam perlawanan yang pertama pasokan itu menewaskan pasokan Gabongan Sekolah2 Sabah, dengan 6—2, sementara dalam perlawanan-nya yang kedua pasokan Brunei itu menewaskan Pasokan Belia2 Sabah yang berumor 20 tahun kebawah dengan 5—1 kedua2 perlawanan tersebut telah di-adakan di-Stadium Likas, Kota Kinabalu, Sabah.

Lawatan pasokan Brunei ka-Sabah itu ada-lah merupakan sa-bahagian daripada latehan mereka sa-bagai persediaan bagi menyertai Kejohanan Bolasepak Antarabangsa Asia bagi penuntut2 sekolah yang berumor 18 tahun kebawah yang akan di-adakan di-Bangkok, pada 14hb Jun ini.

Pemain2 Brunei itu telah di-pileh dari beberapa buah sekolah menengah dan maktab di-seluroh negeri dan telah menjalani latehan pusat sa-lama sa-bulan. Rombongan yang mengandongi 18 orang pemain itu di-jangka akan berlepas ka-Bangkok pada hari ini.

# AMDB sertai pertandingan menembak di-UK

BERAKAS. — Sa-rombongan 15 orang penembak dari Batallion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad lepas bagi mewakili pasokan itu ka-pertandingan menembak di-Bisley yang di-jangka akan bermula pada bulan Jun ini hingga bulan Julai tahun ini.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Lt Samid bin Abdul Aziz dan ini ada-lah kali kelima AMDB mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Di-perlawanan tersebut wakil AMDB akan bertanding dengan yunit tentera British dan ada-lah di-jangka semua penembak yang terbaik dalam pasokan Tentera British turut serta di-pertandingan yang di-adakan pada tiap2 tahun itu. Sa-ramai 2,500 orang peserta di-jangka menyertai pertandingan itu.

Dalam pertandingan tahun lalu, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mendudoki tempat yang ke-16 daripada 63 pasokan yang mengambil bahagian.

Pasokan Batallion Pertama yang mewakili AMDB ka-pertandingan menembak yang di-adakan di-United Kingdom itu ada-lah merupakan juara menembak di-kejohanan Menembak antara Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei bagi tahun 1980 ini yang telah di-adakan pada bulan Mei yang lalu.

Sementara itu Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan perlawanan akhir bernang antara yunit2 yang akan di-adakan di-Kolam Bernang Perkhemahan Berakas pada hari Jumaat 20hb Jun ini mulai jam 8.30 pagi.

# HARI SOSIAL BENARA

JALAN MUARA. — Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Kerja Raya (BENARA) telah mengadakan hari perhimpunan yang di-namakan HARI SOSIAL bertempat di-padang dan di-Dewan Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara di-sini pada hari Ahad 1hb Jun yang baru lalu.

Hari sosial yang khas bagi kakitangan jabatan tersebut serta keluarga mereka itu telah di-rasmikan oleh Penolong Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob.

Antara achara2 yang menarek yang di-adakan di-perhimpunan itu termasok-lah gubahan bunga dan masak2an oleh isteri2 pekerja jabatan serta sokan dan olahraga.

Kemunchak dari achara pada petang itu ia-lah perlawanan tarek kalat antara bahagian2 jabatan itu dalam bahagian lelaki dan perempuan.

Perhimpunan yang julong2 kali di-adakan itu ada-lah bertujuan untok mengiratkan lagi perhubongan antara kakitangan jabatan itu dan di-samping itu mereka dapat bertukar2 fikiran serta berkenalan di-antara satu dengan yang lain.

## Sokan Tahunan anak2 PDB

GADONG. — Temasha sokan tahunan bagi anak2 anggota Pasokan Pulis Diraja Brunei telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Jumaat 30hb Mei yang lalu.

Temasha sokan tersebut telah di-rasmikan oleh isteri Pesurohjaya Pulis, Pengiran Datin Salmah.

Kira2 200 orang kanak2 telah mengambil bahagian dalam 24 achara yang di-pertandingkan dan ia-nya telah di-bahagikan kapada tiga bahagian.

Turut hadhir menyaksikan temasha itu termasok-lah Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Timbalan Pesurohjaya Pulis, Dato C.T. Miller.

# Lawatan muhibbah PGGSS Chawangan Lawas ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan yang mengandongi 25 orang ahli2 Persatuan Guru-Guru Semenanjong Sarawak (PGGSS) Chawangan Lawas telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama dua hari di-sini pada minggu lalu.

Rombongan pelawat dari Sarawak itu telah di-ketuai oleh Penasehat Persatuan itu, Awang Hamdan bin Mohammad Zain dan tujuan mereka mengadakan lawatan ka-Brunei ada-lah semata-mata untok meninjau perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh negeri ini.

Semasa mereka berada di-sini pelawat2 tersebut telah berkesempatan melawat Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium, Bangunan Peringatan Churchill, Radio Talivishen Brunei serta lain2 lagi tempat yang menarek di-negeri ini yang menjadi tumpuan pelanchong2.

Sa-belum mereka bertolak ka-Sarawak pada hari Khamis yang lepas Persatuan tersebut telah menderma wang sa-jumlah $100.00 kapada Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Pejabat Penchen Negara di-sini.

Sementara itu sa-kumpolan yang mengandongi 33 orang ia-itu 20 orang guru dan 13 orang pelajar dari Sekolah Inggeris Berakas telah mengadakan lawatan Muhibbah ka-Labuan selama tiga hari yang bermula dari 30hb hingga 1hb Jun lepas.

Rombongan dari Brunei itu telah di-ketuai oleh Awg Jawawi bin Ahmad dan mereka telah menjadi tetamu kapada Persatuan SANYA, Chawangan Labuan.

Sa-lama mereka berada di-sana pelawat2 dari Brunei itu telah mengadakan beberapa perlawanan sa-chara persahabatan saperti perlawanan sepak takraw, tennis dan bola tampar dengan pasokan tuan rumah. Di-samping itu mereka juga telah di-bawa melawat ka-tempat2 yang menarek di-Labuan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH TUTONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah Tutong, Brunei.

1. PENGAWAS KECHIL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 30 tahun dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.

Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman tentang Jalan2 Kechil dan Buroh2 Jalan Kechil di-kampong2 pendalaman di-Daerah Tutong.

**Tugas2 :**

Melawat jalan2 kechil, ranchangan2 luar bandar dan mengawal buroh2.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB.4—$357-370-383-395 - 408-421-434-446-459-472 - 485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

2. TRADESMAN TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Sijil dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dalam bidang Pengajian Asas Pertukangan Kejuruteraan dan Sijil dari City and Guilds of London Institute dan lulus dalam mata-pelajaran Internal Combustion Engine Work, Vehicle Work dan Basic Engineering Trade Subjects (Automotive).

ATAU

Mempunyai pengalaman praktikal dalam perkhidmatan Kerajaan sa-bagai Mekinik tidak kurang dari dua tahun.

b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman praktikal membaiki mesen2 termasok-lah mesen2 rumput dan motor-sangkut.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408/ EB / 414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Julai, 1980.

(E/436/80)
(Bil: 66/1980)

## Sa-bagai Atendan Pesawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Atendan Pesawat di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah tamat kursus penoh masa sa-lama tiga tahun kursus dalam mata-pelajaran electrical installation and refrigeration di-sa-sebuah sekolah teknikal yang di-akui. Mempunyai kelayakan City and Guilds dalam Pengajian Letrik merupakan satu kelebehan.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 pemasangan 'Switch-boards' dan mengesan puncha kerosakan pesawat2 letrik.
c) Pemohon2 mesti-lah bersedia untok bertugas di-kawasan Muara.

**Tangga Gaji :**

E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510 - 523/ EB / 536 - 548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1980.

(E/304/76)
(Bil : 57/1980)

## Sa-bagai Scenic Master

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Scenic Master di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sekurang2-nya mempunyai 3 tahun pengalaman di-dalam bidang pembenaan senik talivishen dan juga ada-lah pemegang Sijil City and Guilds yang bersesuaian atau pun kelayakan2 lain di-dalam bidang pemasangan dan pertukangan kayu.

**Tugas2 :**

Untok membantu dalam semua aspek pembenaan senik untok talivishen dan mengawas kakitangan2 pentas (pembantu2 pentas, tukang2 kayu dan tukang2 chat pentas) di-dalam studio.

**Tangga Gaji :**

Dalam Tangga Gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/ 1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Julai, 1980.

(E/251/75)
(Bil : 64/1980)

## TENDER NOTICE

TAWARAN ada-lah di-pelawa untok membekalkan kenderaan bagi kepunyaan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Membekalkan CIF Brunei:—

i) One (1) unit Refuse Collector Truck 4.5 ton capacity.
ii) Two (2) units Truck — Mounted Refuse Collector.
iii) One (1) unit 30 CWT Truck Long Wheel Base Flat top.
iv) One (1) unit Sanitary Compactor.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan2 (specifications) bagi kenderaan ini boleh-lah di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat yang bertutop dan alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamat Jabatan Kewangan Negara, Brunei dengan terang di-nyatakan 'Membekalkan kenderaan untok Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan' dengan tidak ada tanda2 yang menunjokkan nama2 penawar di-sampul surat itu. Dan tawaran2 itu hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 30hb Jun, 1980 jam 12.00 tengah hari. Tawaran2 yang di-terima lewat pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan di-atas tidak akan di-layan.

4. Wang chengkeram sa-banyak $100.00 hendak-lah di-bayar kapada Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa pejabat di-buka.

5. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## Sa-bagai Opereter Talipon

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jamaah untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Opereter Talipon di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

i) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
ii) Chalon2 hendak-lah sekurang2-nya lulus dalam Tingkatan II dan mempunyai pengetahuan Ugama Islam.
iii) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.
iv) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(ii) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 Opereter Talipon boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**'Am :**

Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1980.

(E/880/71)
(Bil : 56/1980)

## STATE STORE AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 23/80

TENDERS are invited from "BONA FIDE" Suppliers/ Agents for the supply of :

3000 METRIC TONNES REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN.

Tender documents may be obtained from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of B$1,000.00. This deposit will be refunded in full to the unsuccessful tenderer after the award of the tender is known.

Tender closes by 12.00 noon on Tuesday, 1st July, 1980.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from approved horticultural contractors up to 12.00 noon, Tuesday, 17th June 1980 for the

MAINTENANCE OF GRASSED AREAS (i.e. turfing and grasscutting) UNDER TERM CONTRACT AT ESTABLISHMENTS MAINTAINED BY THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT BANDAR SERI BEGAWAN (BOLKIAH CAMP)

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 17th June 1980 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderers.

4. Tenders Documents may be examined at and obtained from the office of Frank & Vargeson, Chartered Quantity Surveyors, Third Floor, Wisma Hajjah Fatimah, 22 and 23 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender.

6. Tenders shall be submitted only on the Tender-Forms provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the design and construction of a small bridge at the Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21 Jalan Tutong. The bridge will span the Sungai Sinaut and must be capable of carrying normal vehicular traffic up to 10 tons gross laden weight.

The site may be inspected at any time during normal working hours by arrangement with the Farm Manager Sinaut Agricultural Training Centre — Telephone — Tutong — 572/573.

Designs and tenders for construction should be submitted marked "Dept of Agriculture Bridge — Confidential" to the Chairman, State Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than midday on Thursday 19th June, 1980.

The Government is not bound in any way to accept the lowest or any tender.

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PENYELIA JURURAWAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai kelayakan2 S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah juga mempunyai Advance Nursing Diploma. Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sa-suatu jawatan Nursing yang kanan.

Chalon2 hendak-lah berumor di-bawah 55 tahun.

**Tangga Gaji :**

M. 12 — B$2053 - 2129-2206-2282 / E B / 2359-2435 - 2512 - 2588-2665. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KETUA JURURAWAT KESIHATAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) S.R.N. dan S.C.M. yang boleh di-daftarkan di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.
b) Mesti-lah lulus dan mempunyai Sijil Pepereksaan Pelawat Kesihatan.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1390 - 1454-1517-1581-1670 - 1734 - 1798 - 1862 - 1925 - 1989 / EB / 2053 - 2177-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Julai, 1980.

(E/596/67)
(Bil : 67/1980)

## Di-Jabatan Letrik, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Diploma Teknikal dalam bidang Electrical Power Engineering atau City dan Guilds Full Technological Certificate dalam bidang Electrical Power Engineering.

Berpengalaman sa-lama empat tahun dalam pengendalikan kerja2 bergilir di-sa-sebuah Steshen Tenaga Letrik yang di-lengkapkan dengan beberapa set jentera ada di-perlukan.

Chalon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah dari apa yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang sesuai dalam kerja2 Steshen Tenaga Letrik akan juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1071-1109-1148-1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. PEMBANTU PELATEH TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil 823 City and Guilds atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU

Lulus mata-pelajaran Sains dalam pepereksaan 'O' Level.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan asas di-Jabatan Letrik dan di-kehendaki juga menghadhiri kursus2 teknikal sa-chara penoh masa di-sekolah teknikal tempatan dan/atau di-seberang laut.

**Tangga Gaji:**

D. 1-2 — $370-383-395-408 - 421-434-446-465-485-504 - 523 - 542-561.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Jun, 1980.

(E/937/72)
(Bil : 55/1980)

## Sa-bagai Pegawai Perkamusan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat DYMM Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Perkamusan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus mata-pelajaran Bahasa Melayu (Perengkat Tertinggi) dan mata-pelajaran Bahasa Inggeris (Perengkat Biasa); atau
b) Lulus mata-pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Perengkat Biasa) dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 perkamusan dan istilah.
c) Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman luas dalam perbendaharaan-kata Melayu Brunei dan Kesusasteraan Melayu.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224 1275-1326 - 1377 - 1428 / E B / 1479-1530-1581-1632-1683.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akoan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Jun, 1980.

(E/495/78)
Bil : 60/1980)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN LAUT, BANDAR SERI BEGAWAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

1. TUKANG KAYU TINGKAT II

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dengan mempunyai pengalaman praktikal sa-lama lima tahun sa-bagai Tukang Kayu Perahu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya, tetapi kelulusan yang rendah akan di-terima bagi pegawai2 yang lebeh tua dalam perkhidmatan Kerajaan.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh :—
   i) Menyediakan lukisan2 kerja bagi membuat dan membaiki perahu motor sangkut, kerosakan2 temuai dan kapal2 penumpang kechil yang pechah.
   ii) Menyediakan anggaran bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang di-perlukan di-atas.

d) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu, alat2 dan benda2 untok ikat mengikat yang bukan di-buat dari besi yang di-gunakan dalam membena kapal2 kechil dan perahu2 bagi di-gunakan di-perayeran Brunei.

e) Pemohon2 hendak-lah chekap dalam menjalankan dan menggunakan perkakas2 berkuasa letrik.

f) Chalon2 akan di-berikan ujian pertukangan untok menilai kebolehan sa-bagai sa-orang Tukang Kayu Perahu.

g) Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana2 bahagian di-negeri ini.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

2. FITAR TINGKAT II.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan.

d) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana saja di-dalam negeri ini.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — \$357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Jun, 1980.

(E/1824/76)
(Bil : 53/1980)

## EDUCATION DEPARTMENT
## TECHNICAL EDUCATION

APPLICATIONS are invited from subjects of His Highness the Sultan for enrolment in the following full-time course at Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara. The courses will commence in August 1980.

**Construction Technician Course**

Duration : 1 year (Sandwich Course).
Subjects Studied : Science.
Measurements and Calculations.
Construction Drawing.
Construction Materials.
Construction Principles and Proccesses.

Minimum Entrance Requirements :
1. Completion of Form 5 with Mathematics and Science Studied to Form 5 standard. Reasonable fluency in English.

OR

2. Suitable alternative academic qualifications together with acceptable experience in the Building Industry.

This is the first part of a 4-year course. During the course students are expected to spend periods obtaining work experience in the Building Industry.

**Clerical Course**

Duration : 1 year.
Subjects Studied : Typewriting.
Office Practice.
English.

Minimum Entrance Requirements : Completion of Form 5. Reasonable fluency in English.

**Vehicle Body Repair Course**

Duration : 1 year.
Subjects Studied : Vehicle Body Repair Theory.
Workshop Practice.
Welding Theory.
Welding Practice.
Drawing.
Mathematics.

Minimum Entrance Requirements : Completion of Form 3. Reasonable fluency in English.

**Land Surveying**

Duration : 1 year.
Subjects Studied : Surveying Thec.y.
Surveying Practice.
Surveying Computations.
Mathematics.
Physics.
General Studies — (Geography, Geology, Construction).

Minimum Entrance Requirements :
1. Completion of Form 5 with passes in 'O' Level Maths. or Science. Reasonable fluency in English.
2. Suitable alternative academic qualifications together with acceptable experience in Land Surveying.

Students may be expected to spend time during the course obtaining work experience in Land Surveying.

Selection of students will be by means of a test and interview.

Application forms are obtainable from the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara, P. O. Box 914, Bandar Seri Begawan, from the Principals of Secondary Schools, or from the Education Department Head Office, Bandar Seri Begawan.

All applications must be submitted to the Principal, Pusat Latehan Teknikal Brunei by Thursday, 26th June 1980.

## Di-Radio Talivishen, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong di-Radio Talivishen, Brunei.

1. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Kelayakan asas yang di-perlukan ia-lah pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman professional yang berkenaan bekerja dengan sa-sebuah Perkhidmatan Talivishen.

**Tugas2 :**
Termasok-lah menyelenggara dan mengendalikan alat2 studio di-bahagian talivishen dan radio dan di-lain2 bidang teknikal yang berkaitan, dan/atau penyelenggaraan dan pengendalian alat2 pemanchar "medium frequency" dan VHF, dan/atau, pengurusan sa-chara keselurohan perkhidmatan2 bantuan dari perengkat bawah.

**Tangga Gaji :**
C.4 EB.5—B\$1734-1785-1836-1887-1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193.

2. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Kelayakan asas yang di-perlukan ia-lah pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman professional yang berkenaan bekerja dengan sa-sebuah Perkhidmatan Talivishen.

**Tugas2 :**
Termasok-lah menyelenggara dan mengendalikan alat2 studio di-bahagian talivishen dan radio dan di-lain2 bidang teknikal yang berkaitan, dan/atau penyelenggaraan dan pengendalian alat2 pemanchar "medium frequency" dan VHF.

**Tangga Gaji :**
C. 3-4 EB. 5 — B\$1479-1530-1581-1632 - 1683 - 1734 - 1785 - 1836-1887-1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193.

3. PENOLONG OPERESEN KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Kelayakan asas yang di-perlukan ia-lah pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman professional yang berkenaan bekerja dengan sa-sebuah Perkhidmatan Talivishen.

**Tugas2 :**
Termasok-lah pengendalian di-segi teknikal alat2 studio di-bahagian talivishen dan radio dan di-lain2 bidang teknikal yang berkaitan.

**Tangga Gaji :**
C. 3-4 EB. 5 — B\$1479-1530-1581-1632 - 1683 - 1734 - 1785 - 1836-1887-1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Julai, 1980.

(E/25/75/Pt. A)
(Bli : 69/1980)

## TENDER NOTICE

**RETENDER FOR ELECTRICAL AND MECHANICAL ANCILLARY BUILDING — AIRWING, BERAKAS CAMP, BRUNEI**

REGISTERED Class 'B' and above Contractors with the Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Mechanical services to Proposed Ancillary Building — Airwing, Berakas Camp, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th June, 1980 on wards during normal office hours. The tender deposit of \$500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st July, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR RETENDERING OF ELECTRICAL AND MECHANICAL INSTALLATION TO PROPOSED ANCILLARY BUILDING — AIRWING, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, for the supply of : —

47 UNITS OF MOTORISED SPRAYERS.

Tenders should state specifications in respect of (a) Body (b) Engine (c) Blow device (d) Optional device and (e) standard accessories.

Tenders should also specify date of delivery and total cost delivered to the Agriculture Department Workshop Mile 9½ Jalan Tutong.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked : — TENDERS FOR SUPPLY OF MOTORISED SPRAYERS—DEPARTMENT OF AGRICULTURE not later than 12.00 noon Saturday 21st June 1980.

Tenders received after this date will be rejected.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SUCCESSFUL TENDERS

1 Proposed pork market, Jalan Teraja — Say Enterprise — \$1,303,073 — 7 months.
2 Supply of crusher run stones to existing Binturan Range Road — Temburong Quarry Ltd — \$27.30 per cu yd.
3 Supply of crusher-run stones to public parking area Bandar Seri Begawan — Ocean Quarry Co — \$22.30 per cu yd.
4 Proposed extension to Ward 5, General Hospital — Dato Hj Hamidoon & Anak2 — \$103,179 — 3 months.
5 Supply of medicine envelopes — Asia Printers — \$26,715 — 45 days.
6 Concrete area/garages for Student Settlers Project site — Sharikat Abdullah — \$21.144.
7 Supply of Steel pipes and specials (No. 15/80) — Hume Industries — \$312,776 — 3 months.
8 Maintenance of Language Lab equipment — World Wide Electronics — \$635.00.
9 Supply to Religious Department of :
Scientific equipment — Sh Scientific Instrument — \$88,654.95.
Audio visual aids — Sh Par Wijaya — \$9,904.
10 Supply of one unit truck to Education Dept — Goh Hock Kee Motor — \$16,790 — end of May 1980.
11 Supply of teak wardrobes to RBMR — Fashion Furniture — \$200 each.
12 Maintenance of room unit air conditioners and dehumidifiers in Govt buildings from 1 June 1980 to 31 May 1981 —
Capital Air Cond — BSB, Muara, Tutong and Temburong — \$11,359.50 per month;
Yong Bros — Belait District — \$2,106.50 per month.
13 Supply of pressure pipes and joints (No 13/80) — Hume Industries — \$61,317 CIF Muara Port.
14 Security Guard Dog Unit at Kg Sg Akar — City Land Ltd — \$13,186,895.03 — 24 months.
15 Remedial works and extra works to Rifle Range, Bangar Camp — Ha Tung Meu Cont — \$144,000.
16 Clearing and grubbing of Kg Serasa Resettlement area — Dara Const — \$29,625.
17 Construction of RC box culvert at Jalan Kebangsaan/Berakas link road — Wong Siew Sing — \$66,889.
18 Re-roofing of old hostel, AAC, Seria — Foo Yun Yun Cont — \$65,940 — 4 months.
19 Improvement of Perdana Wazir English School padang — Foo Yun Yun Cont — \$234,609.80 — 5 months.
20 Grass cutting in Belait District — Yong Sok Gen Contractor — \$163,152.
21 Proposed repair works to wharf beams at Muara Port — Unicrop Pte Ltd — \$2,167,725.
22 Sandfilling to proposed link road at Mile 4, KB/Seria road — Yong Sok Gen Cont — \$100,812.
23 Repair and repainting to existing fence at Masjid Mohd Jamalul Alam, KB — Wee Shui Huat — \$12,620 — 8 weeks.
24 Repair of closed short circuit TV system — O'Connor's Ltd — \$115,162 and maintenance at \$2,500 per year.
25 Printing of Kesusasteraan Melayu books — Federal Publications Ltd — \$2.15 for 4,000 copies (soft cover) or \$3.16 each for hard cover.
26 Supply of coloured bulbs to Elec Dept — Lam Elec Co — \$31,000 — 1 month; waterproof lampholders — \$19,000 — Sh Letrik Malaya Bhd.
27 Supply of padlocks (No 18/80) — Africa Co — \$17,906 CIF Brunei.
28 Phase I of sub-structure for National Stadium — Tobishima Corpn — \$2,220,147.88.
29 Light proof cubicles for RTB — Pelita Eng Co — \$25,500.
30 Piling contract for New Hospital OPD Complex — Trans-Ocean Const Pte Ltd — \$2,596,188.95.
31 Supply of swimming pool tiles, grating etc to Flotilla Base — Maju Jaya Ltd — \$438,763.52.
32 Supply of single rubber mattresses to Fire Brigade — Kian Hing Flat — \$125.00 for 6'3" x 3' x 4" each.
33 Supply fo 150 lockers — Sinma Gen Cont — \$110 per unit.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad
## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

1) KATEGORI 15 —
TAWARAN No. SSU/078-80
Peruntokan bagi Jentera2 Pengangkutan.

2) KATEGORI 15 —
TAWARAN No. SSU/079-80
Peruntokan bagi penyelengaraan Barang2 di-Gudang dan Yar Bekalan di-Kuala Belait.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENYELENGGARA SETOR TINGKAT KHAS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat Khas di-Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor tidak lebeh dari 50 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris atau sebanding dengan-nya. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I. Pengalaman dalam salah satu perkara2 berikut di-bawah ini ada-lah satu kelebehan : —

a) **Kawalan Setok bagi Setor2**

**Ta' Beruntok : —**

i) Berpengalaman dalam mengawal had-rendah dan had-tinggi tiap2 jenis barang2 simpanan bagi menentukan barang2 tambahan semula simpanan;

ii) Mengetahui Perukoran2 Perkilangan (Standards or Manufactures) dan katalogs;

iii) Berkebolehan menyediakan Penyata Bulanan tuntutan2 yang di-bayar menerusi2 bauchar2 pembetulan;

iv) Berkebolehan menyediakan Perkiraan Setok Akhir Tahun.

b) **Indent :**

i) Berpengalaman dalam menyediakan dan mengeluarkan indent2 bagi pembelian2 dalam dan luar negeri (termasok Crown Agents Indent);

ii) Berkebolehan menyediakan surat menyurat yang mudah dan tuntutan2;

iii) Mengetahui hal2 Insuran dan perkapalan.

c) **Kawalan Setor Perbekalan:**

i) Perpengalaman dalam mengawal barang2 simpanan saperti beras, gula, susu dan lain2 barang2 makanan;

ii) Mengetahui jenis2 dan chara2 menggunakan ubat2 pembunoh serangga bagi pemeliharaan barang2 makanan tersebut.

iii) Berpengalaman dalam pengawalan buroh2 dan pengangkutan;

iv) Berkebolehan dalam menyediakan Penyata Jualan2 Harian dan Penyata Bulanan tuntutan2 yang di-bayar menerusi bauchar2 pembetulan.

v) Berkebolehan menyediakan Perkiraan Setok Akhir Tahun.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1071-1109-1148-1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Julai, 1980.

(E/996/75)

(Bil : 68/1980)

## HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 8th July 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN".
4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 29th May 1980 during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be $10,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Prior to the issue of tender documents each tenderer will be required to : —
   (1) Produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;
   (2) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of Financial Guarantee;
   (3) produce a letter from his Brunei Bank (said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted said bank will furnish him with a banker's guarantee) in accordance with the Conditions of Contract.
7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JAWATAN2 KOSONG BERGAJI HARI DI-JABATAN KERAJAAN

1) TUKANG KEBUN — Sekolah Melayu OKBI, Subok, Brunei
   — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara, Brunei
   — Maktab S.O.A.S., Brunei
   — Berakas English School, Brunei
2) MANDOR — Maktab S.O.A.S., Brunei
3) BUROH — Berakas English School, Brunei
4) PEMBERSEH (lelaki2) — Berakas English School, Brunei
5) BUROH PERTANIAN — Di-Steshen Pertanian Sinaut, Brunei,
6) Jaga Malam — Bahagian Quarantine Berakas, Brunei
   — Steshen Pertanian Mulaut
   — Ibu Pejabat Pertanian, Brunei
7) BUROH — Jabatan Kerja Raya, Bahagian Workshop, Jalan Tasek, Brunei
8) STESHEN PAM OPERATOR — Steshen Pam Ayer, Jerudong

Sharat2 bagi jawatan STESHEN PAM AYER JERUDONG

a) BEKAS ASKAR yang mengetahui mengenai Jentera atau yang pernah bekerja di-kapal2.

b) Tinggal di-kawasan Jerudong.

d) Kenderaan tidak di-sediakan dan berkerja bergilir2 (shift).

Kapada pemohon2 yang ingin untok memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas ada-lah di-pelawa hadhir ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan seberapa segera dengan membawa bersama2 mereka Kad Kenalan, Surat2 Pengakuan kebolehan untok rujokan.

## Sa-bagai Pemungut di-Jab. Muzium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi Jawatan2 sa-bagai Pemungut di-Jabatan Muzium, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya dalam aliran Inggeris. Mempunyai sedikit pengetahuan tentang daerah2 pendalaman dan pandai sedikit bertutor dalam bahasa puak2 di-daerah pendalaman.

b) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun.

c) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan pelajaran yang di-kehendaki tetapi telah berkhidmat di-Pejabat Muzium Brunei sekurang2-nya 3 tahun sama ada dalam perkhidmatan bergaji bulan atau hari serta mempunyai pengalaman bekerja ka-hutan2 di-daerah pendalaman mengikuti pegawai2 dalam menjalankan kerja2 sama ada penggalian, kaji purba, dan lain2 yang ada hubongan-nya dengan jawatan ini akan juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri dari segi kemahiran dan tahu memasang jerat dan melaksanakan penggalian2 penyelidekan tapak2 purba.

**Tugas2 :**

Bekerja di-bawah perentah Ketua2 Bahagian Jabatan Muzium Brunei dan bersedia untok bertugas ka-daerah2 pendalaman untok menjalankan kerja penyelidekan dan sa-bagai-nya.

**Sukatan gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Jun, 1980.

(E/870/71)

(Bil : 59/1980)

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the supply for : —
   **32 units of Table Dial Face Weighing Scale (Capacity— 50 Lbs) (Dual scales — lbs and katties will be preferred).**
2. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope clearly marked : —
   SUPPLY OF WEIGHING TENDER FOR THE SCALES—DEPARTMENT OF AGRICULTURE
   and bearing no indication of the name of the tenderer, not later than 12.00 noon on Thursday 12th June, 1980.
3. Tenders received after this date will be rejected.
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS PHASE IIA, (DRILL TOWER AND SMOKE CHAMBER) FOR THE RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Registered Public Works Department Contractor Class "AX" and above for the above mentioned works up to 12.00 noon, 24th June 1980 (Tuesday).

Tender documents consisting of Bills of Quantities and detailed drawings can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All other drawings are displayed and can be examined at the said office.

The tender deposit will be Brunei $500.00 in the form of a cheque and refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and on return of deposit receipt, tender documents and drawings on or before the closing date, but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/ or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

Tenders must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 24th June 1980 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the Tenderers and shall be marked clearly "Tender for the Proposed Miscellaneous Additions and Alterations, Phase IIA, (Drill Tower and Smoke Chamber) for the RBMR, 1st Flotilla Base, Muara, Brunei.

Our Client, Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 63

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 13th June 1980.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 63 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 12th June 1980.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| Serial No. | Item | Qty. |
|---|---|---|
| 1. | Single Mattress R/F | 202 |
| 2. | Double Mattress R/F | 22 |
| 3. | Pillow R/F | 104 |
| 4. | Chair Steel folding, typist and chair plastic | 17 |
| 5. | Double Pedestal desk | 1 |
| 6. | Binocular | 1 |
| 7. | Wall Clock, watch and stopwatch | 6 |
| 8. | Fire Extinguisher 2 gln | 19 |
| 9. | Bicycle | 2 |
| 10. | Fuel Tank | 20 |
| 11. | Rice Stringer 23"x24" dia | 7 |
| 12. | Black Decker portable Jig Saw | 2 |
| 13. | Vacuum Sweeping and Shampoing Machine | 1 |
| 14. | Bedstead Iron folding Mk IV | 28 |
| 15. | Gry Pto Reeless | 1 |
| 16. | Living bread Machine | 1 |
| 17. | Typewriter | 1 |
| 18. | Projector Bell and Howell | 2 |
| 19. | Amno Watch | 1 |
| 20. | Plastic and Food Container Insulated | 2 |
| 21. | Can water metal 4½ gln | 10 |
| 22. | Fire Hose Rail | 7 |
| 23. | Vacuum cleaner | 2 |
| 24. | Vice Carpenter | 1 |
| 25. | Filing Cabinet four drawers | 2 |
| 26. | Water Pump | 1 |
| 27. | Water Heater | 15 |
| 28. | Refrigerator | 1 |
| 29. | Cooker 3 ring | 5 |
| 30. | Gas Cooker | 2 |
| 31. | Kawali Cooker | 15 |
| 32. | Cooker 2 ring Electric | 35 |
| 33. | Cooker 2 Hot Plate | 14 |
| 34. | Ceiling, Table, Stand and wall fan | 147 |
| 35. | Long Bath | 2 |
| 36. | Toaster | 2 |
| 37. | Jack Handle, Jack 3 ton and wheel brake | 16 |
| 38. | Scrap Metals | 3½ tons |

## KURSUS DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan :

### PELATEH SENI UKIR — LELAKI

**Kelayakan2**

(i) Berkelulusan sekurang2-nya Tingkatan III Melayu/Inggeris atau sebanding dengan-nya, atau pernah menuntut di-Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara.

(ii) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Lukisan dan berkebolehan membuat ukiran2 daripada kayu dan bahan2 yang lain.

(iii) Sa-orang pemohon yang tidak memenohi sharat (i) dan (ii) boleh-lah di-pertimbangkan.

**Sharat2**

(a) Hendak-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan.

(b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang berumor di-antara 17 hingga 30 tahun dan maseh bujang.

(c) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga.

(e) Satu perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam mengikuti kursus ini.

(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun.

(g) Apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan di-kehendakki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

**Alaon dan Lain2 Kemudahan**

(a) Sa-masa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sa-banyak $240.00 sa-bulan serta 10 peratus net profit daripada harga hasil2 mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

(b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain2 lagi tidak di-sediakan kapada pemohon2 yang berjaya.

**Borang Pemohonan**

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei selewat2-nya pada 26hb Jun, 1980.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah Temburong, Brunei.

1. PENGAWAS KECHIL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor di-antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau sebanding dengan-nya.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka2 yang me-megang jawatan mandor sekurang2-nya enam tahun.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB.4—$357-370-383-395-408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

2. TUKANG LUKIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor antara 18 hingga 35 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya dalam Tingkatan II Melayu atau sebanding dengan-nya

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB.4—$357-370-383-395-408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

3. OPERATOR TALIPON :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor antara 18 hingga 25 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya dalam Tingkatan II Melayu atau sebanding dengan-nya.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB.4—$357-370-383-395-408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

4. TUKANG KAYU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor di-antara 30 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau sebanding dengan-nya.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka2 yang me-megang jawatan sa-bagai Tukang Kayu Tingkatan II sekurang2-nya 6 tahun.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB.4—$357-370-383-395-408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

5. TUKANG KEBUN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor antara 18 hingga 30 tahun.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau yang sebanding de-ngan-nya.
c) Mereka2 yang bekerja sa-bagai Tukang Kebun ber-gaji hari akan di-utama-kan.

**Sukatan gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

6. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor 25 tahun ka-atas.
b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau sebanding dengan-nya.
c) Keutamaan akan di-beri kapada mereka2 yang me-megang jawatan sa-bagai pemandu motor-sangkut Tingkatan II sekurang2-nya sa-lama 10 tahun.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427 - 440 / EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohon-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Jun, 1980.

(E/235/80)
(Bil : 54/1980)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

SERIAL No. KB 14/1980

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang ber-daftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 17hb Jun, 1980 bagi : —

CONSTRUCTION OF LINK ROAD AT MILE 3, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta bu-tir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 14/1980

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for:—

CONSTRUCTION OF LINK ROAD AT MILE 3, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Kuala Belait.

## Sa-bagai Ketua Steward

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ketua Steward di-Jabatan Perubatan dan Kesi-hatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak lebeh dari 45 tahun.
b) Mesti-lah mempunyai ke-lulusan Higher National Diploma dalam Pembekal-an (Supplies) dan/atau Penyajian (Catering).
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mempunyai pengalaman.

**Tugas2 :**

a) Memohon atau membeli, menyimpan dan menge-luarkan bekalan2 makanan pesakit2.
b) Memohon atau membeli dan menyimpan alat2, per-kakas bukan perubatan dan lain2.
c) Menghapuskan dari sim-panan alat2 yang tidak bo-leh di-gunakan.
d) Menyelia perkhidmatan sa-jian dan perhubongan de-ngan Pegawai Penjaga Ma-kanan Rumah Sakit.
e) Bertanggong-jawab kapada Ketua Pentadbir Rumah Sakit dalam menjalankan tugas2 di-atas.

**Tangga Gaji :**

C. 3 EB 4—$1479-1530-1581-1632-1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hen-dak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Jun, 1980.

(E/1344/79)
(Bil : 61/1980)

## Sa-bagai Pemandu di-Jabatan Bandaran

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Pemandu di-Jabatan Bandaran, Lembaga Bandaran, Kuala Belait, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mem-punyai Sijil Kelas III dan V yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 me-mandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan kechil.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohon-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Julai, 1980.

(E/344/79)
(Bil : 65/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board, at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'AX' Contractors and above or speci-alists up to 12.00 noon on Monday, 30th June 1980 for the supply, construction and completion of : —

CANTEEN SPACE FRAME FOR SEKOLAH MENE-NGAH AT SUNGAI KE-BUN

2. Tender Documents includ-ing Bills of Quantities can be examined at and obtained dur-ing normal office hours from the office of : —

**Contract Services Consultants Room 32-33, 4th Floor Hongkong Bank Chambers, Jalan Chevalier/Sultan Bandar Seri Begawan Brunei**

3. Prior to the issue of the Tender Documents, all tender-ers are required to : —

3.1 produce evidence of their P.W.D. registration status
3.2 show documentary evid-ence of having complied with the Government requirement of Financial Guarantee.

4. The Tender Deposit re-quired is B$500.00 which is in the form of a cheque shall be made payable to Contract Ser-vices Consultants. This deposit is refundable to each unsuccess-ful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the re-turn of all tender documents in good condition to the office of Contract Services Consultants.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.

6. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FLOTILLA BASE, MUARA

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractor with the Brunei Electrical De-partment are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to the Proposed Gym-nasium and Swimming Pool at Royal Brunei Malay Regiment, Flotilla Base, Muara.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting En-gineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th June, 1980 onwards during normal office hours. The ten-der deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all un-successful tenderers upon re-ceipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Buliding, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st July, 1980. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR RETEN-DERING OF ELECTRICAL INSTALLATION TO PRO-POSED GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT RO-YAL BRUNEI MALAY RE-GIMENT, FLOTILLA BASE, MUARA.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind them-selves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer Ground Floor Secretariat, Bandar Seri Bega-wan up to noon on Tuesday 1st July 1980 for the supply of the following vehicles to Jerudong Park.

1 x 3 TON PICK UP
1 x MECHANICAL SHOVAL JCB MODEL 30
1 x ½ TON ROAD DUMPER — SMALL
1 x 12 Seater Mini Bus.

Tenders received after this date will be rejected.

Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows :

"THE SUPPLY OF VEHICLES TO JERUDONG PARK".

The Government of Brunei does not bind itself to accept-ing the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

TENDER No. 21(IW)/1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' up to 12 noon on Thursday, 24th June, 1980 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 10 NOS. CLASS 'B' QUARTERS (KINABALU TYPE) 3 NOS. CLASS 'C' QUARTERS AT BERAKAS CAMP

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board.

The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLA-TION FOR 10 NOS. CLASS 'B' QUARTERS (KINA-BALU TYPE) 3 NOS. CLASS 'C' QUARTERS AT BERAKAS CAMP."

Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccess-ful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 83 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

TO REPLACE ALL TRANSLUCENT ROOF-ING SHEETS (PERPEX SHEET) ON MAIN TRANSIT BUILDING AT MUARA PORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 84 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

REPAIR AND FULL RE-DECORATION INSIDE AND OUTSIDE OF SIN-GLE MEN'S BARRACK (3 STOREY BLOCK) P.W.D. No. 386 AT PO-LICE HEADQUARTERS GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 85 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

REPAIRING AND RE-PAINTING OUTSIDE AND INSIDE OF PULAU CHERMIN FLAT AT JA-LAN MAHARAJA LELA, MILE 1½ JALAN TU-TONG, B.S.B., BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 86 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

REPAIR AND REDECO-RATION OF POLICE POST AT LABU ESTATE, TEMBURONG

**Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan. Brunei.**

### No. 87 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

SUPPLY OF ROAD MARKING PAINT TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtain-ed at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Bega-wan. Brunei.

### No. 88 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI SIX UNITS 4X4 TRUCK 4/5 TON CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars ob-tained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 89 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" Hauling con-tractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 17th June, 1980 for : —

SUPPLY AND DELIVERY OF TOP-SOIL AND SAND-FILL TO JERUDONG PO-LO FIELD No. 3 AND OTHER AREAS IN JERU-DONG PARK, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 90 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and abov P.W.D. Brunei registered con tractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon oı 24th June, 1980 for : —

REPAIR AND REPAINT ING OF MALAY SCHOOI AND TEACHERS' QUAR TERS AT BATU MARANG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 91 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th June, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF PRO-POSED EXTENSIONS AND ALTERATIONS TO RESETTLEMENT BUILD-ING, BANDAR SERI BE-GAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.



# UJUDKAN TENAGA BELIA YG SEDAR DAN BERKEYAKINAN

MUARA. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menggesa persatuan2 Belia di-negeri ini supaya akan sentiasa mengujudkan dan menghidupkan tenaga2 belia yang sedar dan berkeyakinan tidak kira di-mana ia-nya berada.

Kerana kata-nya, jika konsep kesedaran dan perasaan ingin maju sentiasa jadi matalamat kepimpinan Belia2, maka kita tidak akan mendengar lagi perkataan 'Hidup segan mati tak mahu' yang sering menjadi buah mulut sa-tiap individu pada masa ini.

Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain membuat gesaan demikian ketika beruchap sa-jurus sabelum merasmikan Pesta Tamu Belia yang telah di-adakan di-Pantai Perangi-nan Muara di-sini pada hari Ahad lepas.

Walau bagaimana pun, tambah Yang Berhormat, dengan ada-nya Pesta Tamua Belia yang di-anjorkan oleh Majlis Belia-Belia Brunei sudah jelas menunjokkan betapa belia2 kita telah dapat memboktikan kesunggohan, kegigihan serta usaha mereka pada menyatukan tenaga2 belia melalui aktiviti sa-umpama itu.

"Dengan ada-nya aktiviti sa-demikian itu, keraguan saya semakin hilang dan lenyap apabila melihat aktiviti2 ini maseh hidup dan maseh bernafas kerana apa yang kita lihat di-tahun2 kebelakangan ini aktiviti2 belia dalam bidang sosial semakin terpisah dan hampir lenyap di-telan masa", kata Yang Berhormat itu lagi.

Menyentoh mengenai dengan peranan MBB pula, Yang Berhormat menegaskan bahawa MBB telah berjaya menarek minat muka2 baru atau generasi2 muda yang telah di-berikan peranan dan keperchayaan pada mengungkayahkan pesta sa-umpama itu dan juga telah dapat memberikan satu semangat kesedaran yang ingin maju.

"Pada pendapat saya, suasana tersebut memang sesuai di-mana trend peralihan sekarang menghendaki generasi2 muda itu tampil kehadapan dan di-beri peluang sama2 ikut serta menghayati aktiviti2 sa-rupa itu di-masa akan datang", ujar Yang Berhormat.

Maka untok itu, Yang Berhormat juga telah menyeru MBB supaya akan dapat berusaha dan melaksanakan ranchangan2 yang berkebajikan pada memberikan gambaran2 yang sebenar-nya mengenai dengan aktiviti2 sosial kapada belia2 muda di-negeri ini.

Kerana penchapaian ka-satu2 matalamat yang sukses itu tentu tidak akan mengambil masa yang lama dan panjang walau bagaimana pun ia-nya memerlukan ketabahan dan kegigihan.

Yang Berhormat itu juga berharap supaya semangat kesedaran yang ada pada belia2 di-hari itu bukan hanya di-tumpukan kapada satu2 aspek sahaja malahan hendak-lah meliputi aspek2 yang lebeh luas, bermaana dan lebeh berkesan.

Majlis Tamu Belia MBB yang di-adakan pada hari itu telah mendapat sambutan yang hangat di-mana ia-nya di-anggarkan lebeh daripada 5,000 orang telah membanjiri Pantai Muara pada menyaksikan beberapa achara2 yang menarek antara-nya termasok-lah persembahan nyanyian dari artis2 luar negeri; peraduan membuat kelupis; peraduan sepak raga, main kikek dan kemunchak dari achara pada petang itu ia-lah peraduan memileh Belia Pendekar.



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Turut hadhir menyaksikan Pesta Tamu Belia itu termasok-lah Menteri Kebudayaan Belia dan Sokan Sarawak, Yang Berhormat Abang Haji Ahmad Urai, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Haji Abdullah; Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Abdul Razak bin Muhammad; Ahli2 Yang Berhormat serta jemputan2 khas yang lain.

GAMBAR atas ia-lah kelinik yang sedang dalam pembenaan. Bangunan yang menelan belanja kira2 $3 juta itu di-bena di-satu kawasan di-antara Jalan Bolkiah dan Lorong Satu Barat. Apabila siap nanti ia-nya akan dapat memberikan kemudahan2 perubatan kapada pendudok2 di-sekitar Pekan Seria.

Kelinik tersebut ada-lah merupakan yang terbesar pernah di-bena oleh Kerajaan dan projek tersebut ada-lah sa-bahagian dari ranchangan kemajuan negara lima tahun.

Bangunan dua tingkat itu akan mempunyai kemudahan2 moden saperti sabuah bilek pembedahan kechil, kelinik gigi, kemudahan2 bagi kanak2 dan ibu2 yang mengandong, bilek makmal, pusat berchongkel, bilek2 pemereksaan, gudang ubat dan lain2 kemudahan perubatan.

# Sentiasa bertakwa kpd Allah

Dari muka 1

ini mengikuti undang2 dan peratoran2 serta hukom2 Allah s.w.t. yang telah di-sediakan, maka neschaya kita akan sentiasa di-lindongi dengan sifat terpuji, jujor, amanah, dedikasi, tabah serta sabar", sabda Yang Amat Mulia.

Untok itu Yang Amat Mulia sekali lagi telah menyeru anggota2 Pulis supaya akan sentiasa bertakwa kapada Allah s.w.t. pada mendapatkan sifat2 sa-umpama itu untok kesejahteraan hidup kita di-dunia dan juga di-akhirat.

Menyentoh mengenai dengan kejayaan Pasokan Pulis di-bidang pembachaan Al-Kor'an, Yang Amat Mulia menambah sabda, bahawa sa-takat ini pasokan Pulis telah dapat menchapai beberapa kejayaan dalam pertandingan2 yang lalu.

Untok mengekalkan kejayaan itu, Yang Amat Mulia berharap kapada anggota2 Pulis supaya akan berusaha dengan lebeh giat lagi bagi menchapai kejayaan yang chemerlang di-tahun ini dan jika boleh hingga memasoki ka-perengkat pertandingan sa-negeri dan seterus-nya perengkat antarabangsa.

Sa-ramai 20 orang peserta ia-itu 10 orang qari dan 10 orang qariah dari lima buah chawangan Pasokan Pulis Diraja Brunei telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Dalam bahagian qari, johan telah di-sandang oleh PC 599 Abd Ghani dengan markah 84 peratus dari Chawangan A, kedua ia-lah PC 1064 Awang Kamis bin Nasir dari Chawangan C dengan markah 82 peratus dan tempat ketiga jatoh kapada PI Ak Haji Abd Wahab bin Pengiran Haji Omar dari Chawangan E dengan markah 74 peratus.

Dalam bahagian qariah pula, Johan telah di-menangi oleh Dayang Fatimah binte Haji Ibrahim dari Chawangan B dengan mendapat markah 71.5 peratus, kedua jatoh kapada Dayang Robayah dari Chawangan E dengan markah 68 peratus dan ketiga ia-lah Dayang Maskata binte Begawan Pehin Khatib Hj Mohd Yusof dari Chawangan B dengan markah 64 peratus.

Sementara johan berpasokan telah di-menangi oleh Pasokan Chawangan E dari Kuala Belait dengan mendapat markah 268 mata.

Hadiah2 kapada pemenang2 dan peserta yang mengambil bahagian telah di-sampaikan oleh Penolong Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

# Kejohanan BAAA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sukan Amatur Negeri Brunei (BAAA) akan menganjorkan kejohanan sukan BAAA kali yang ke-XXVI yang akan di-adakan pada hari Sabtu 5hb Julai depan bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong mulai jam 1.30 petang.

Kejohanan tersebut ada-lah terbuka kapada jabatan2 kerajaan; kelab2; sharikat2; maktab2 dan sekolah2 serta ahli2 sukan perseorangan di-negeri ini.

Sa-banyak 17 achara lelaki dan 13 achara perempuan akan di-pertandingkan di-kejohanan itu nanti.

Borang2 masok serta butir2 lanjut boleh di-perolehi daripada Awang Tuah bin Nordin, Pejabat Pelajaran, Pendidekan Jasmani, Brunei; Awang Abdul Razak bin Bungsu, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei; Awang Basri bin Haji Lahid, Pejabat Pelajaran, Tutong; Awang A. Sibidol, Lorong 2 Seria, Kuala Belait dan Awang Hamid bin Momin, Pejabat Pelajaran Temburong.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Rabu 25hb Jun 1980 jam 4.00 petang.



**SA-BAHAGIAN dari para jemputan yang hadhir di-majlis pembukaan Pesta Tamu Belia yang di-adakan di-Pantai Muara pada hari Ahad lalu.**

# BERIKAN KERJASAMA KPD BELIA2 — Haji Jaya

MUARA.—Yang Dipertua Majlis Belia-Belia, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif menyeru pehak2 yang tertentu supaya memberikan kerjasama kapada belia2 tanah ayer dalam usaha mereka memupok keazaman dan daya chipta bagi meluaskan alam pemikiran untok memenohi tuntutan2 bukan sahaja dalam negeri bahkan juga antarabangsa bagi keperluan Negeri Brunei.

Beliau beruchap demikian di-upachara perasmian Pesta Tamu Belia MBB yang telah di-adakan di-Pantai Muara pada hari Ahad lalu.

Kata-nya, dalam suasana kita menempoh chabaran2 masa depan kita semua ada-lah terbeban kapada sa-suatu tanggong-jawab yang bukan hanya terletak di-bahu belia2.

Atas kesedaran ini-lah kata-nya lagi, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan tidak kendor2-nya memberikan apa jua kemudahan2 yang benar2 memberikan hasil yang berguna kapada belia2 tanah ayer.

"Menyedari akan tujuan yang murni yang di-hulorkan itu-lah maka sebab-nya MBB sentiasa mematohi akan Peratoran2 dan Undang2 Negara serta tidak akan mengambil kesempatan guna untok kepentingan perseorangan", beliau menjelaskan.

Menyentoh tentang pesta yang di-adakan pada hari itu Awang Haji Jaya berkata, ia-nya ada-lah merupakan satu pertanda yang baik terhadap perpaduan pertubohan2 belia dalam mendokong chita2 bersama bagi mengujudkan perpaduan di-kalangan belia2 tanah ayer ka-arah sa-suatu tujuan yang mendatangkan faedah.

Kata-nya lagi, belia2 telah memboktikan yang mereka chukop sedia untok bersatu dalam usaha bekerjasama, bermashuarah, bertukar2 fikiran serta menerima kekurangan2 orang lain dan kepintaran pehak yang satu pula dengan tujuan pokok — memperkemaskan lagi perpaduan belia2 di-negeri Brunei ini.

Mengenai tanggong-jawab para belia dalam melaksanakan tuntutan tempatan dan antarabangsa Awang Haji Jaya seterus-nya mengingatkan yang kejayaan mereka ada-lah bergantong kapada apa yang dapat di-sumbangkan oleh ahli2-nya.

Kata-nya, jika para belia dapat berhasil membuat sa-suatu yang baik, berfaedah serta bermanafaat sudah tentu ia-nya ada-lah merupakan pokok asas kemajuan dan perpaduan. Sabalek-nya kalau perkara yang di-buat itu tidak baik, maka tentu-lah ia-nya akan membawa kapada kemerosotan serta perpechahan.

Bagaimana pun dalam suasana pengaroh pelbagai kebudayaan melalui hubongan dan sebaran am yang terdapat sekarang, beliau sangat berbangga yang belia2 tanah ayer telah berhasil dalam memboktikan diri mereka sa-bagai manusia yang bukan sahaja mengisi tuntutan2 kebudayaan malah telah memenohi tuntutan2 kerohanian yang melambangkan 'Kebudayaan Bangsa Brunei yang berlandaskan keyakinan berdikari'.

# Kibarkan bendera

RAAYAT dan pendudok negeri ini ada-lah di-kehendaki mengibarkan bendera Brunei atau Union Jack sempena sambutan hari keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Queen.

Orang2 kenamaan dan orang2 yang bergelar hendak-lah mengibarkan bendera peribadi masing2.

Mereka hendak-lah mengibarkan bendera sa-lama tiga hari mulai 13hb Jun ini.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.